

'A  Parlimen

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS
2012**

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
[Bertulis] Dewan Rakyat Daripada Kementerian-
Kementerian

12 MAC HINGGA 12 APRIL 2012 SOALAN NO : 301 HINGGA 400

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
BUKAN LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM
DEWAN (SOALAN NO. 301 HINGGA 400)**

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD

[SIPITANG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN

MALAYSIA PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah di seluruh negara yang mendapat pengiktirafan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) sehingga kini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga kini sebanyak 66 buah sekolah di seluruh negara telah mendapat pengiktirafan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Dari jumlah tersebut, 52 buah iaitu kohort 1 dan 2 telah menerima anugerah SBT pada tahun 2010 dan 2011. Manakala bagi kohort 3, tahun 2012 sebanyak 14 buah sekolah lagi telah mendapat pengiktirafan SBT.

NO. SOALAN : 30^

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS
DARIPADA DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [
SIPITANG]

DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah subsidi gula yang ditanggung Kerajaan dalam tempoh 2012 hingga 2014, berikutan laporan mengenai kenaikan harga kontrak gula mentah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pembelian gula melalui LTC oleh Malaysia telah dilaksanakan sejak tahun 1975 bagi memastikan bekalan gula negara terjamin kerana harga dan bekalan komoditi gula bergantung kepada pasaran dunia dan bagi memastikan pengilang gula serta industri pembuatan terutamanya makanan dan minuman tempatan dapat meneruskan operasi.

Subsidi gula bermula pada tahun 2009 berikutan harga LTC gula bagi tempoh 2009 - 2011 telah dimuktamadkan lebih tinggi daripada LTC bagi tempoh 2006 - 2008 iaitu sebanyak 78% disebabkan faktor kenaikan harga gula mentah dunia. Berikutan LTC gula mentah bagi tempoh 2009 - 2011 telah tamat,

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melaksanakan rundingan LTC pembelian gula mentah bagi tempoh 2012 - 2014 bagi memastikan bekalan gula domestik terjamin dan harga stabil bagi memenuhi keperluan bekalan domestik.

Tuan Yang Dipertua,

LTC bagi tempoh 2012 - 2014 telah dimuktamadkan pada harga purata US26.06 cents/lb (C&F) dengan 4 syarikat pembekal gula dengan jumlah bekalan gula mentah sebanyak 2.8 juta tan metrik bagi tempoh 3 tahun dengan mengambil kira trend harga gula yang dijangka meningkat di masa akan datang. Kadar LTC yang dipersetujui adalah termasuk kos penghantaran. Harga sebenar gula mentah yang dipersetujui adalah USD24 cents/lb dan kos penghantaran sebanyak USD 2 cents/ lb menjadikan harga LTC sebanyak USD26 cents/lb. Manakala harga yang sering dirujuk oleh masyarakat umum adalah harga gula mentah (FOB) di pasaran New York tanpa kos pengangkutan. Harga LTC yang dimuktamadkan bagi tempoh 2012 hingga 2014 adalah lebih tinggi daripada harga LTC 2009 hingga 2011 iaitu sebanyak 49%.

Melalui pengiraan yang dibuat berdasarkan kadar LTC baru dengan mengambil kira kos input terutamanya kos bahan mentah dan kos operasi, harga runcit gula putih bertapis bagi tahun 2012 adalah lebih tinggi sebanyak 54 sen sekilogram menjadikan harga runcit gula tanpa subsidi sebanyak RM2.84 sekilogram. Berdasarkan pengiraan, tanpa kenaikan harga gula, Kerajaan perlu membelanjakan sebanyak RM567 juta untuk menampung subsidi gula bagi 2012 pada harga runcit gula bersubsidi sebanyak RM2.30 sekilogram.

MAKLUMATTAMBAHAN A. 4 SYARIKAT PEMBEKAL

GULA LUAR NEGARA MELALUI LTC

	Syarikat Pembekal	Harga (US cents/lb) (C&F)	Kuantiti (MT)
(i)	Cargill Hong Kong Limited, Hong Kong (dimuktamadkan pada 14 Oktober2011)	26.31	1.232 juta
(ii)	Queensland Sugar Ltd., Australia (dimuktamadkan pada 2 November 2011)	26.00	336,000
(iii)	Louis Dreyfus Commodities Asia Pte. Ltd., Singapura (dimuktamadkan pada 14 November 2011)	25.65	352,000
(iv)	Sucden Asia Limited, Hong Kong (dimuktamadkan pada 14 November 2011)	25.65	352,000
	JUMLAH		2.272 juta

SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT
PERTANYAAN
DARI PAD A

JAWAB BUKAN LISAN
DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [
SIPITANG]

SOALAN

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sejauh mana kajian telah dijalankan mengenai cadangan dan permintaan supaya penduduk di Sabah dan Sarawak diberi kelonggaran untuk menggunakan parabola secara sah.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Parabolic Dish Antenna atau cakera parabola digunakan secara luas untuk perkhidmatan data dan jalur lebar melalui perkhidmatan VSAT (*Very Small Aperture Terminal*) di kawasan-kawasan pedalaman dan kawasan yang tidak dihubungi oleh perkhidmatan talian tetap. Bagi tujuan ini, beberapa syarikat telah dilesenkan. Selain itu, penggunaan cakera parabola adalah juga dibenarkan untuk tujuan pendidikan jarak jauh dan penggunaan korporat untuk acara-acara tertentu.

Dasar sedia ada telah menetapkan bahawa pemilikan dan penggunaan kelengkapan *Television Receiver Only (TVRO)* bagi

SOALAN NO: 308

tujuan penerimaan perkhidmatan luar negara adalah tidak dibenarkan kecuali bagi kategori-kategori pemilikan dan penggunaan yang tertentu sahaja seperitimana yang telah diputuskan oleh Kerajaan.

Dasar ini adalah perlu memandangkan kandungan TVRO yang diterima secara langsung daripada satelit-satelit luar negara adalah di luar kawalan Kerajaan kerana ia disediakan oleh penyedia-penyedia perkhidmatan yang tidak dilesenkan oleh Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan mereka tidak tertakluk kepada akta-akta negara kita. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak mempunyai keupayaan untuk mengawal selia kandungannya, terutamanya jika terdapat kandungan yang tidak sesuai dengan norma-norma dan nilai masyarakat Malaysia. Tiada mekanisme penapisan (*censorship*) yang boleh dilakukan oleh Kerajaan terhadap perkhidmatan sedemikian walaupun didapati kandungannya tidak bersesuaian dengan budaya negara seperti penyebaran ideologi yang tidak sesuai atau kandungan yang tidak bermoral.

SOALAN 304/

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA

**Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN
ISMAIL [PAYABESAR]**

SOALAN

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan :**

Apakah usaha yang diambil oleh Kementerian dalam membangunkan tapak pelancongan yang berpotensi tetapi kurang popular seperti Pengkalan Balak, Pantai Bukit Keluang, Pantai Batu Pelanduk dan lain-lain bagi menggalakkan pelancong asing untuk berkunjung ke kawasan tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Paya Besar, Kementerian Pelancongan sentiasa bekerjasama dengan setiap kerajaan negeri dalam membangunkan tapak pelancongan bagi tujuan peningkatan kemudahan pelancongan, menaiktaraf atau

menyelenggara serta mempromosikannya di peringkat nasional atau antarabangsa.

Antara syarat yang membolehkan sesuatu tempat itu diberikan peruntukan pembangunan oleh Kementerian ini adalah tempat-tempat pelancongan tersebut perlu berada di tanah kerajaan, mempunyai kemudahan asas seperti jalanraya dan utiliti serta menjadi tumpuan pelancong. Tempat-tempat ini perlu diselenggara dengan baik oleh pihak kerajaan negeri selepas ianya siap sepenuhnya.

Bagi contoh-contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat Paya Besar, Kementerian ini ada memberi peruntukkan di Pantai Pantai Batu Pelanduk di bawah projek Rancangan Malaysia ke-Sembilan (RMKe-9) sebanyak RM100,000 bagi menaik taraf tandas dan landskap.

Dari segi promosi pula, Tourism Malaysia akan

mempromosikan produk-produk pelancongan tersebut jika berkualiti, bersih, mempunyai daya penarik atau *unique selling points* kepada pelancong-pelancong asing.

NO.SOALAN: 305

y

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA YB DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)**

SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan di internet tersebar berita mengenai tepung gandum jenama "Sauh" dan roti jenama "Massimo" yang diragui status halalnya. Apakah respons pihak Kementerian dalam berhadapan isu ini yang dilihat telah menimbulkan was-was di kalangan pengguna Islam serta menjatuhkan imej syarikat pengeluar produk terbabit.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-kedua produk yang dinyatakan telah mendapat Sijil Halal Malaysia daripada pihak

Jabatan Kemajuan Islam malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama

|

Islam Negeri (JAIN) yang diiktiraf sebagai badan berautoriti dalam pensijilan halal.

Pensijilan halal yang dikeluarkan oleh JAKIM hanya akan diberikan kepada sesuatu permohonan setelah pemeriksaan dibuat terhadap bahan-bahan mentah termasuk pengujian makmal , proses pengeluaran, peralatan, pekerja dan lain-lain aspek mengikut keperluan standard Halal Malaysia MS 1500:2009.

Penyebaran maklumat yang tidak tepat di pelbagai media adalah di luar bidang kawalan JAKIM. Para pengguna perlu merujuk kepada JAKIM/ JAIN sekiranya masih terdapat keraguan berkenaan status sesuatu produk.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARI PAD A
SOALAN

BUKAN JAWAB LISAN
DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
HOjpZ'yoQy

Dato' Abdul Manan bin Ismail (Paya Besar) minta MENTERI PEN6AJIAN TINQGI menyatakan tindakan undang-undang yang diambil oleh Kementerian dalam berhadapan dengan isu pelajar-pelajar yang bertindak untuk mengancam keselamatan YAB Perdana Menteri serta tindakan para pelajar yang berdemo dan merusuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pelajar IPT yang terlibat dalam kes jenayah akan diambil tindakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) berdasarkan undang-undang yang sedia ada. Pada masa ini, keadaan di IPT adalah selamat dan terkawal di mana Kementerian berkeyakinan penuh terhadap kecekapan pihak PDRM dalam menangani kes-kes jenayah dan ancaman-ancaman yang cuba ditimbulkan oleh kumpulan tertentu yang tidak bertanggungjawab.

*No-fr * alm: loj.*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL

[PAYA BESAR]

TARIKH :

RUJUKAN 4604

SOALAN :

YB. Dato' Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan modus operandi yang dijalankan dalam menggalakkan rakyat di negara ini untuk bertukar kad pengenalan baru serta apakah perbezaan dari segi ciri keselamatan antara kad pengenalan yang lama.
JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ahli Parlimen Paya Besar yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, pengeluaran MyKad struktur baru dikeluarkan bagi mempertingkatkan tahap kualiti atau daya ketahanan dan ciri-ciri keselamatan fizikal bagi

mengelakkan pemalsuan atau ubahpinda maklumat di permukaan fizikal MyKad. MyKad baru ini diperbuat daripada bahan polikarbonat sepenuhnya dan telah diuji ketahanannya di makmal yang diiktiraf di mana kuaiitinya adalah lebih tinggi dan lebih berdaya tahan berbanding dengan MyKad lama yang digunakan sebelum ini.

Diantara beberapa ciri-ciri keselamatan baru adalah seperti berikut:

- i) Turisan laser pada nama, nombor kad pengenalan dan gambar kecil (*ghost image*);
- ii) *Microtext* nombor kad pengenalan di bawah gambar berwarna; dan
- iii) Perubahan reka bentuk lapisan keselamatan (*secureguard hologram*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Muiia, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) juga telah mula mencetak MyKad Struktur Baru bermula pada 3 Januari 2012 dan sehingga 29 Februari 2012 sebanyak 283,390 MyKad baru telah dikeluarkan berdasarkan kepada permohonan yang dibuat.

Pada masa ini kerajaan belum mewajibkan rakyat membuat penukaran kepada MyKad Struktur Baru kerana MyKad lama masih sah digunakan bagi semua urusan. Walaubagaimanpun jika kad pengenalan seseorang itu telah rosak, maka MyKad Struktur Baru akan dikeluarkan kepadanya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARI PAD A	YB. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]	
TARIKH	19 APRIL 2012

SOALAN

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan pemohon bantuan peruntukan PR1MA sejumlah 560 unit mengikut kaum.

JAWAPAN:

NO. SOALAN : 308

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa jumlah permohonan yang diterima semasa permohonan perumahan mampu-beli, Presint 11, Putrajaya adalah sebanyak 7113 dan statistik pemohon mengikut kaum adalah seperti berikut:

Kaum	Bilangan
Melayu	6502
Cina	129
India	123
Suku-suku kaum Sabah dan Sarawak	80
Orang Asli	4
Lain-lain	56
Tiada Maklumat	219
Jumlah	7113

Sekian, terimakasih.

NO SOALAN : 309

✓

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
(REMBAU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah jumlah perolehan pertahanan yang telah dan akan dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan apakah langkah bagi memastikan ketelusan proses perolehan tersebut.

JAWAPAN:

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK 10) *Rolling Plan*

Pertama (2011-2012), Kementerian Pertahanan telah diperuntukkan sebanyak RM602 bilion bagi perolehan 98 projek infrastruktur dan kelengkapan sedia ada.

Kementerian akan memastikan proses perolehan dilakukan secara telus dengan mematuhi prosedur dan tatacara kewangan berdasarkan Arahan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa. Di samping itu, setiap pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam urusan perolehan diwajibkan menandatangani surat *integrity pact* bagi menjamin prosedur perolehan dilakukan secara teratur dan mematuhi peraturan.

NO. SOALAN : 310
/

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARI PAD A

BERTULIS
TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan bilakah Kedai Rakyat 1 Malaysia atau Kedai Ikan Rakyat 1 Malaysia boleh dibina di Rembau.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan mensasarkan sebanyak 85 buah KR1M beroperasi dalam tahun 2012. Sehingga 1 Mac 2012, sebanyak 31 buah KR1M telah beroperasi di seluruh Malaysia. Baki, sebanyak 54 lokasi lagi sedang dikenalpasti.

Walau bagaimanapun, bukan kewujudan KR1M semata-mata yang membolehkan rakyat memperolehi produk 1 Malaysia Kedai Rakyat (1MKR). Penjualan runcit produk 1MKR oleh kedai runcit lain melalui Model 2 KR1M telah membolehkan sebanyak 477 kedai runcit sedia termasuk 7 kedai runcit biasa kawasan Parlimen Rembau.

Manakala, Kedai Ikan Rakyat 1 Malaysia telahpun beroperasi dan ianya merupakan inisiatif syarikat sendiri.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARI PAD A

YB. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

[REMBAU]

RUJUKAN

10 [PR-1251-T48069]

SOALAN

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan apakah langkah dan program khusus yang dilaksanakan bagi membantu golongan keluarga miskin bandar, selain daripada bantuan perumahan dan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Rembau, Kementerian Wilayah

Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) melaksanakan program pembasmian kemiskinan bertujuan membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar di seluruh negara meningkatkan kualiti hidup di samping mengurangkan beban tanggungan keluarga tanpa mengira jantina, bangsa dan agama.

Bagi tujuan ini, bantuan sewa rumah dan bantuan perumahan bandar (baik pulih dan bina baru rumah) diberikan untuk membolehkan golongan miskin mendapat tempat kediaman yang selesa dan selamat. Selain itu, KWPKB juga melaksanakan program latihan kemahiran dan keusahawanan untuk memberi peluang kepada golongan sasar memperoleh kemahiran dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah.

Program latihan kemahiran dan keusahawanan dapat menggalakkan penyertaan golongan sasar dalam projek-projek keusahawanan, di samping pemadanan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran yang diperolehi. Kementerian ini juga melaksanakan projek-projek khusus seperti penyediaan kios penjaja untuk memberi peluang kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar menjalankan perniagaan dengan lebih teratur dan selesa.

Sementara itu, pusat pembelajaran atau tuisyen 'on-line' percuma iaitu Terminal Sejahtera di bangunkan dengan kerjasama Pihak Berkuasa

Tempatan terpilih bertujuan menyediakan tempat belajar yang kondusif dan sempurna kepada pelajar-pelajar dari keluarga miskin dan berpendapatan rendah mengulangkaji pelajaran atau mengadakan kelas tambahan.

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

Tuan Teng Boon Soon

SOALAN

Tuan Khairy Jarnaluddin [Rembau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah anggaran perbelanjaan IT di dalam program transformasi Kerajaan bagi lima tahun kehadapan dan apakah pula nilai tambahan dan anggaran nisbah nilai penjimatan daripada perbelanjaan tersebut.

JAWAPAN: (*oleh YB Senator Datuk Seri Palanivel a/l K.Govindasamy*)

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), Kerajaan telah melaksanakan sebanyak 3,254 projek ICT melibatkan kos sejumlah RM8.123 bilion seperti yang dilaporkan melalui aplikasi Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT). Dalam usaha mengurangkan pelaksanaan projek-projek ICT secara *outsource*, Kerajaan telah menubuhkan Pasukan Perunding ICT Sektor Awam pada 16 Julai 2008 untuk menerajui pelaksanaan projek-projek ICT secara *in-house* di agensi-agensi Kerajaan. Mulai Januari 2009 sehingga Oktober 2011, Pasukan Perunding ICT Sektor Awam telah berjaya membangunkan projek-projek ICT secara *in-house* yang bernilai melebihi RM26 juta. Pembangunan projek-projek ICT secara *in-house* ini telah berjaya menghasilkan penjimatan kos sebanyak RM20.3 juta berbanding pelaksanaan secara *outsource*.

Sekian, terima kasih.

313
SOALAN NO^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PADA TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]

SOALAN

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status pemberian dana berjumlah RM400 juta bagi membantu syarikat bas henti-henti seluruh negara yang sedang menghadapi masalah kewangan di dalam meneruskan operasi mereka dan apakah pula strategi dan langkah jangka panjang Kerajaan bagi menangani isu ini.

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) menerima baik penyediaan dana sebanyak RM400 juta oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu pengendali bas henti-henti untuk meneruskan operasi mereka demi menyediakan perkhidmatan untuk rakyat. Pengurusan peringkat awal dana ini telah bermula di mana pengendali bas

SOALAN N0.318

henti-henti yang terlibat dibolehkan membuat pemohonan sejak 3hb Januari 2012, di mana pada suku pertama 2012, sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan. Penyediaan dana ini akan memberi manfaat kepada 450,000 rakyat dengan peningkatan mutu perkhidmatan pengangkutan bas henti-henti di seluruh Malaysia.

SPAD telah menerima 57 permohonan untuk diproses daripada pengusaha bas henti-henti di seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak bagi mendapatkan dana bantuan ini dan dana ini tidak terhad kepada syarikat bas henti-henti di kawasan Lembah Kelang sahaja.

SOALAN N0.318

SPAD telah mengadakan sesi taklimat kepada pengusaha bermula bulan Januari lalu dan akan terus bertemu dengan pengusaha bagi memberi penerangan secara menyeluruh mengenai syarat-syarat permohonan dana bantuan ini.

Sejak Januari lalu, sebanyak 13 sesi perjumpaan telah berlangsung di antara SPAD dengan pengusaha berkaitan dana bantuan ini dan sesi perjumpaan meliputi pengusaha-pengusaha seluruh Malaysia.

Antara pengusaha-pengusaha yang berjaya dalam pemberian dana ini ialah:

1. Kenderaan Klang Banting Berhad
2. Syarikat Rembau Tampin Sdn. Bhd.
3. Kuala Kedah Transport Co Sdn Bhd
4. The Jalan Langgar Transport Company Berhad
5. K.R Travel & Tours
6. Seranas Sdn Bhd
7. De' Alpha City Bus Sdn Bhd
8. Wawasan Sutera Travel & Tours
9. Bau Transport Co Berhad
10. Triton Commuter Sdn Bhd
11. Johore Motor Bus Company Sdn Bhd
12. Perak Transit (The Combined Bus Services Sdn Bhd)

SOALAN NO.318

13. Red and Yellow Omnibus Company Sdn Bhd
14. City Public Link Bus Service Sdn Bhd
15. Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan

Selain itu, Kerajaan juga telah memberi peruntukan tambahan sebanyak RM150 juta melalui Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam di SME Bank bagi memperkuuh perkhidmatan bas di kawasan luar Bandar. Pengusaha bas henti-henti, bas mini dan bas sekolah berpeluang untuk memohon pinjaman mudah dengan kadar faedah 4% untuk membeli atau membaik pulih bas mereka bermula Januari 2012.

S.P.A.D. telah memberikan garis panduan bagi pemberian insentif ini untuk memastikan pengendali yang memohon adalah mereka yang layak dan benar-benar memerlukan bantuan. Peruntukan tambahan ini dijangka dapat menyediakan kemudahan bas yang lebih selesa, boleh dipercaya dan berkualiti kepada pengguna bas di luar bandar.

Walaupun dana ini hanya bersifat jangka pendek, S.P.A.D sedang merangka satu cadangan jangka panjang bagi membantu industri ini secara menyeluruh dalam menangani permasalahan kekurangan bas henti-henti yang dihadapi oleh rakyat Malaysia. Cadangan jangka panjang akan

SOALAN NO.318

mengambilkira beberapa faktor antaranya model sediada, kos operasi dan juga kadar tambang yang terlibat di dalam sesuatu perkhidmatan bas serta rangkaian perkhidmatan bas yang menyeluruh yang dapat menyokong perkhidmatan pengangkutan yang lain seperti perkhidmatan rel. Selain itu, penekanan akan diberi kepada kualiti perkhidmatan yang tinggi bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang bas yang terbaik terutamanya bagi penduduk di luar bandar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN BERTULIS
Daripada	Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun]
Soalan	NoJJ4@ 2.1 f_1

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan jumlah eksport minyak sawit Malaysia bagi tahun 2011 dan jangkaan bagi tahun 2012 serta nyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan produktiviti ladang dan memastikan sektor hulu dan hiliran industri minyak sawit negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

Industri sawit merupakan antara penyumbang terbesar kepada pembangunan ekonomi serta sumber utama pendapatan eksport negara. Pada tahun 2011, pendapatan eksport produk-produk sawit mencatat rekod tertinggi dengan nilai sebanyak RM80.4 bilion iaitu peningkatan sebanyak 34 peratus berbanding dengan RM62.2 bilion pada tahun 2010. Daripada jumlah keseluruhan pendapatan tersebut, eksport minyak sawit sebanyak 17.99 juta tan pada tahun 2011 telah mencapai nilai eksport sebanyak RM60.4 juta tan. Bagi tahun 2012, Kementerian menjangkakan jumlah eksport minyak sawit akan mencapai RM19.1 juta tan.

Bagi meningkatkan produktiviti ladang, pekebun-pekebun kecil/pemilik ladang adalah disarankan untuk menebang dan menanam semula pokok sawit tua yang kurang produktif dan menaman semula dengan anak benih yang bermutu tinggi. Di samping itu, pekebun-pekebun kecil/pemilik ladang juga digalakkan untuk mematuhi Amalan Pertanian Baik (*Good Agriculture Practices - GAP*) yang disediakan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Selain itu, bagi membantu pekebun kecil menanam semula, Kerajaan menyediakan bantuan sebanyak RM7,500 sehektar di Semenanjung Malaysia dan RM9.000 di Sabah dan Sarawak. Bantuan ini meliputi kos pembersihan tanah, bahan tanaman dan input pertanian.

Bagi memperkuuhkan sektor hiliran industri minyak sawit Negara, Kerajaan menggalakkan penghasilan produk nilai tambah tinggi dengan menyediakan insentif kepada kilang-kilang penapis untuk melabur dalam aktiviti-aktiviti penghasilan produk-produk nilai tambah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

tinggi seperti *oleo-derivatives*, produk-produk berasaskan makanan dan bukan berasaskan makanan.

No. 2IS /

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT.

MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

DARI PAD A TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH

KAWASAN DUNGUN

NO. SOALAN : 2>IS

TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah nilai perdagangan Malaysia bagi tahun 2011 dan nyatakan jumlah penguasaan ASEAN daripada jumlah perdagangan Malaysia.

Jawapan:

Tuan Yang DiPertua,

Malaysia sekali lagi berjaya mencatatkan peningkatan positif dalam prestasi perdagangan luar bagi tahun 2011. Jumlah perdagangan Malaysia tahun 2011 adalah merupakan jumlah perdagangan tertinggi direkodkan setakat ini. Dengan peningkatan 8.7%, jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2011 adalah bernilai RM1.269 trilion berbanding dengan RM1.168 trilion pada tahun 2010.

Pertumbuhan positif eksport telah dicatatkan melalui peningkatan sebanyak 8.7% kepada RM694.6 bilion bagi tahun 2011. Jumlah import juga turut menunjukkan peningkatan sebanyak 8.6% kepada RM574.2 bilion berbanding tahun 2010.

Di samping peningkatan aktiviti eksport dan import yang menggalakkan, lebihan dagangan juga berpihak kepada Malaysia dengan peningkatan pada kadar 9.4% kepada RM120.3 bilion. Jumlah lebihan dagangan positif ini adalah pencapaian berterusan selama 14 tahun berturut-turut

dicapai sejak tahun 1998 setanding dengan negara-negara yang lebih maju di rantau Asia seperti Singapura dan Republik Korea.

Daripada jumlah perdagangan global tahun 2011, perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN adalah sebanyak RM330.8 bilion atau bersamaan dengan 26.1% daripada jumlah perdagangan luar Malaysia.

Eksport Malaysia ke ASEAN pada tahun 2011 adalah RM171.5 bilion atau 24.7% daripada jumlah eksport keseluruhan luar Malaysia. Jumlah import dari ASEAN juga turut meningkat 11.2% kepada RM159.3 bilion iaitu merangkumi sebanyak 27.7% daripada jumlah import Malaysia pada tahun 2011. Eksport Malaysia ke semua pasaran ASEAN telah mencatatkan peningkatan kecuali ke Laos.

Ini menunjukkan ASEAN merupakan antara pasaran dan rakan dagang terpenting kepada Malaysia. Malaysia akan terus meningkatkan usaha-usaha galakan perdagangan supaya syarikat-syarikat Malaysia dapat menerokai peluang-peluang perdagangan dan pelaburan yang wujud dengan pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN pada 2015.

SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH

SOALAN:

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bilakah Tabung Kehilangan Pekerjaan akan dapat diwujudkan Kerajaan bagi membela pekerja sektor swasta yang dibuang kerja berikutan kegawatan ekonomi.

PR-1251-T47445

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menangguhkan pengwujudan Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan (TBKP) sehingga persetujuan dapat diperolehi daripada semua pihak iaitu majikan dan pekerja untuk mencarum ke tabung tersebut. Sebagai satu jalan keluar, Kerajaan telah mencadangkan kajian lanjut dijalankan yang boleh dibuat bersama dengan melibatkan semua pihak atau 'stakeholders'.
2. Justeru pada 21 Disember 2011 Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO telah mentauliahkan pihak *International Labour Organization* (ILO) untuk menjalankan kajian secara lebih mendalam dengan melibatkan semua *stakeholders*. Sehingga ke setakat ini, kajian tersebut telah melalui fasa pertama dan laporan *Inception* telahpun dikeluarkan oleh pihak ILO.
3. Kerajaan berharap menerusi kajian tersebut akan tercetus satu persetujuan antara pihak majikan dan pekerja supaya satu model Skim Insurans Pemberhentian Kerja (*Unemployment Insurance*) dapat direka dan

diperkenalkan yang dapat memenuhi keperluan pekerja yang dibuang kerja berikutan kegawatan ekonomi.

m(2 Mac-12 April 2012)/(ms...29.2.12/MatuCidn7445

NO-SoALAfJ •' -NQ-

AUM : 322 •

MO A I BP - liUHu

6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARI PAD A : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
[DUNGUN]**

TARIKH :

RUJUKAN 4605

SOALAN :

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan bagi menggalakan golongan muda untuk menyertai Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) bagi memperkasa dan memperluaskan fungsi agensi berkenaan dalam menangani isu keselamatan negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Dungun yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, sehingga 31 Januari 2012, jumlah anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) adalah seramai 2,893,938 anggota. Dari jumlah tersebut seramai 1,691,360 anggota atau 58.44 peratus adalah golongan muda yang berumur 21 hingga 40 tahun.

Bagi menggalakkan golongan muda menyertai RELA beberapa inisiatif telah dilaksanakan iaitu bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan menubuhkan Skuad Muda RELA yang kini keanggotaannya seramai 8,776 anggota dan angka ini akan bertambah dari semasa ke semasa. Program RELA masuk ke IPTA dan IPTS dengan menubuhkan RELA Siswa Siswi (RELASSIS) yang mana keanggotaannya baru di peringkat permulaan iaitu seramai **808** anggota di Universiti Tun Hussien Onn, Batu Pahat, program ini akan dikembangkan di seluruh Negara. Pengurusan tertinggi RELA sedang merancang mengimplimentasi beberapa inisiatif lagi seperti melaksanakan aktiviti- aktiviti yang menarik minat golongan muda.

Pada masa kini kebanyakan tugas baru yang menarik minat dan yang disertai oleh ramai golongan muda antara lain seperti berikut:

- (i) Membantu mencegah jenayah bersama PDRM;
- (ii) Menyertai Sukarelawan Polis bertugas di kawasan hot-spot;
- (iii) Menjaga keselamatan Depot-depot Tahanan imigresen;
- (iv) Menjaga keselamatan rumah perlindungan Anti-Pemerdagangan Orang (MAPO);
- (v) Membantu agensi penguatkuasaan dalam Operasi Bersepadu;
- (vi) Menjaga keselamatan sasaran penting yang terpilih;
- (vii) Pemantauan Stesyen Minyak di sempadan Negara dan
- (viii) Menyertai Rondaan 1 Malaysia (rondaan pelbagai agensi).

NO. SOALAN: 318
DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS
(2012)

^

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA Y.B. DATO' HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
(DUNGUN)**

SOALAN :

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah Kerajaan bagi memantapkan pensijilan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan nyatakan langkah Kerajaan bagi membendung penggunaan sijil halal palsu.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha memantapkan pensijilan halal Malaysia, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan dua buah Jawatankuasa berkaitan Pengurusan Halal Malaysia iaitu :

- i. Jawatankuasa Kabinet Pengurusan Halal Malaysia, dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri yang berfungsi:
 - a. sebagai menggubal dasar dan strategi bagi memenuhi keperluan pensijilan halal; dan
 - b. mengenalpasti, mengkaji serta memperakukan pindaan kepada undang-undang dan peraturan kerajaan Malaysia yang bersesuaian dengan keperluan pensijilan halal Malaysia
- ii. Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Halal Malaysia, dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berfungsi sebagai:
 - a) mengenalpasti, mengkaji serta menyelaras maklumat dan tindakan yang bersesuaian dengan keperluan pensijilan halal Malaysia; dan
 - b) menentukan langkah-langkah bagi mencapai matlamat pensijilan halal Malaysia di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, telah diwujudkan Mesyuarat Focus Group Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia yang diurussetiakan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan dan swasta khususnya pihak industri pengilangan dan perhotelan. Sebagai badan yang tunggal dalam pensijilan halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memberikan komitmen dan kerjasama yang padu dalam Mesyuarat Focus Group Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia. Antara hasil mesyuarat tersebut ialah:

- a. Proses Perekayasaan pensijilan halal Malaysia (Business Process Reengineering, BPR)
- b. Piagam Pelanggan Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia.
- c. Booklet Pensijilan Halal Malaysia.

Dalam usaha membendung penyalahgunaan logo halal, JAKIM sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK). Melalui Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan ‘Halal’) 2011, hanya JAKIM dan MAIN sebagai agensi berwibawa yang mengeluarkan sijil pengesahan halal dan logo Halal Malaysia. Dengan penguatkuasaan perintah ini bermakna tiada lagi pengisytiharaan halal sendiri oleh pihak individu lain atau pensijilan halal oleh pihak swasta yang tidak diiktiraf.

Bagi mengukuhkan lagi kawalan terhadap penipuan dan penyalahgunaan logo halal, KPDKKK telah melantik seramai 62 pegawai JAKIM sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan bagi melaksanakan penguatkuasaan terhadap perkara-perkara berkaitan perihal dagangan “halal”. Selain itu, JAKIM juga berusaha mendapatkan perlantikan penolong pengawal perihal dagangan untuk pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 319

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA DATO'KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
 [TELOK KEMANG]

SOALAN

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jangkamasa rancangan Kerajaan untuk membina pengkalan baru Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) di Sendayan dimulakan dan jumlah kos projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pembinaan Pangkalan Udara Sendayan untuk Tentera Udara DiRaja Malaysia dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 2012 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2016. Kos keseluruhan projek adalah RM1 bilion.

BERTULIS

DATO' PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
KEMANG]

KAMARUL BAHRIN

BIN ABBAS [TELOK
NO. SOALAN : 320

PERTANYAAN

DARIPADA

DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]

minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan jumlah dan sumber dana yang digunakan untuk mengendalikan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) dan berapakah jumlah kedai tersebut di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan mensasarkan sebanyak 85 buah KR1M beroperasi dalam tahun 2012. Sehingga 1 Mac 2012, sebanyak 31 buah KR1M telah beroperasi di seluruh Malaysia. Baki, sebanyak 54 lokasi lagi sedang dikenalpasti.

NO. SOALAN: 321

/

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2012)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)

SOALAN:

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas (Telok Kemang) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perbezaan di antara pendekatan atau Konsep Wasatiyyah yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini dengan Islam Hadhari dan kos yang digunakan bagi membiayai Institut Wasatiyyah dan di mana letaknya Islam Hadhari dalam konsep tersebut.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),
JABATAN PERDANA MENTERI)

DATO' SERI
MENTERI DI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memperkenalkan konsep Wasatiyyah yang bermaksud sederhana, pertengahan dan berimbang sebagai pemangkin kepada Gagasan 1 Malaysia. Konsep ini selaras dengan wawasan kepimpinan negara yang mahu mewujudkan keseimbangan dalam membina perpaduan yang lebih harmoni di kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama dan resam budaya serta mengamalkan budaya pemikiran

rasional.

NO. SOALAN : 322

Konsep Wasatiyyah adalah pendekatan yang tidak bersifat keterlaluan atau melampau, tetapi tidak pula terlalu longgar atau terlalu mengambil ringan dalam sesuatu perkara. Ia bukan bermakna melakukan sesuatu yang kurang daripada ajaran Islam. Pendekatan Hadhari adalah merujuk kepada 10 prinsip utama yang menjadi hasrat dan matlamat melahirkan modal insan yang cemerlang juga berjati diri tinggi.

Matlamat murni ini berjalan secara berterusan termasuk mengambil berbagai pendekatan dan gagasan. Semua dasar tersebut adalah saling berkesinambungan dan lengkap melengkapi antara satu dengan yang lain termasuk Konsep Wasatiyyah yang mana matlamatnya untuk mewujudkan perpaduan dan keharmonian hidup ke arah menentukan kejayaan individu, keluarga, masyarakat dan negara sesuai dengan tuntutan semasa.

Dalam memantapkan lagi strategi dan pelaksanaan pendekatan yang sederhana dan seimbang dalam semua aspek kehidupan, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Institut Wasatiyyah yang akan diletakkan dibawah Jabatan Perdana Menteri dan Kursi Wasatiyyah diwujudkan di Universiti Malaya yang akan menjadi pemangkin kepada gerakan kesederhanaan di Malaysia khususnya dan peringkat antarabangsa amnya. Perkara ini masih di peringkat perincian. Apabila semuanya telah selesai dan bersedia, ia akan dimaklumkan kepada masyarakat umum.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARI PADA

DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS

[TELOK KEMANG]

SOALAN

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA

MENTERI menyatakan:-

- a) Kesediaan YAB Perdana Menteri dan Kabinet untuk mengisytiharkan harta kepada rakyat; dan
- b) Bagaimanakah mekanisme pengisytiharan harta tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sebenarnya Kerajaan telah lama mengamalkan proses pengisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran. Pengisytiharan harta yang diwajibkan pula bukan terhad kepada Anggota pentadbiran sahaja seperti yang dilakukan oleh pihak tertentu, sebaliknya bersifat menyeluruh dan turut melibatkan ahli keluarga terdekat. Setiap Anggota Pentadbiran diwajibkan mengisytiharkan harta diri serta harta keluarga terdekat kepada Perdana Menteri. Setiap tambahan atau pelupusan harta juga wajib diisytiharkan. Tambahan lagi kesemua

pengisytiharan harta yang berkenaan dibuat secara berkanun (**statutory declaration**).

Pada 27 Februari yang lalu saya telah mengumumkan ~~persetujuan Kerajaan~~ **NO. SOALAN : 324** agar Ketua Pesuruhjaya SPRM mempunyai akses penuh kepada dokumen-dokumen pengisytiharan harta mana-mana Anggota Pentadbiran dan akan memantau pertambahan harta, *liability* dan pelupusan semasa beliau memegang jawatan. Setiap tambahan atau pelupusan harta wajib diisyiharkan setiap 2 tahun. Ini mencerminkan keterbukaan dan kesediaan Kerajaan membantu fungsi dan peranan SPRM selaku pihak berkuasa dalam pencegahan rasuah selain membuktikan komitmen kerajaan memerangi jenayah rasuah secara total dan di semua peringkat.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan :
[323], PR-1251-
T48338

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA

**DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [
TELOK KEMANG]**

NO. SOALAN [323]

SOALAN Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dasar luar negara berkaitan prinsip Penyelesaian dua negara (Two-State Solution) sebagaimana yang diungkapkan oleh Menteri Luar Negeri ketika Perbahasan Perhimpunan Agung PBB Sesi ke-66 pada 27 September 2011 di New York.

JAWAPAN:

Malaysia telah sekian lama secara terbuka dan lantang memperjuangkan hak asasi rakyat Palestin. Malaysia sentiasa memberikan sokongan padu dalam segala usaha yang dijalankan oleh masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan terhadap konflik Palestin-Israel. Ini termasuklah komitmen Malaysia terhadap Penyelesaian Dua Negara atau *Two-State Solution* untuk mencapai penyelesaian secara komprehensif terhadap konflik ini. Malaysia percaya bahawa Penyelesaian Dua Negara yang diusahakan sejak Persidangan Annapolis 2007 adalah realistik dan boleh dicapai seandainya Israel bersikap jujur dan terbuka dalam menyelesaikan semua tuntutan atas Palestin.

Bagi merealisasikan penyelesaian dua negara, adalah menjadi tanggungjawab bersama Palestin dan Israel untuk berkompromi dan berunding secara adil. Desakan Israel supaya Palestin meneruskan rundingan tanpa apa-apa pra-syarat tidak mencerminkan kesediaannya untuk berlaku adil dan bertolak ansur dengan bakal jirannya. Dalam hal ini, komitmen Malaysia kepada penyelesaian dua negara adalah bergantung kepada Israel mematuhi semua keperluan seperti yang diputuskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terutama Resolusi-Resolusi 194, 242, 338 dan 425 serta penubuhan negara Palestin yang berdaulat dan merdeka dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negaranya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 324

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARI PADA	DR. RAMASAMY a/l PALANISAMY
	[BATU KAWAN]
SOALAN	

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan kedudukan sebenar sosio-ekonomi masyarakat India pada masa kini dan mengapakah Kerajaan Persekutuan tidak mengambil langkah-langkah yang serius dalam menyelesaikan masalah-masalah masyarakat India dari segi sosial, ekonomi dan pendidikan secara menyeluruh.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan adalah komited untuk mengambil langkah-langkah serius bagi memastikan setiap lapisan masyarakat termasuk masyarakat India mendapat manfaat sewajarnya daripada hasil pembangunan negara. Sehingga kini, masyarakat India telah banyak mendapat manfaat daripada pelbagai program/projek yang dilaksanakan bagi membantu meningkatkan kualiti dan taraf hidup mereka.

Ini dapat dilihat dari segi pendapatan isi rumah bulanan purata kaum India yang telah meningkat daripada RM3.456 pada tahun 2004 kepada RM3.999 pada tahun 2009. Pendapatan purata ini adalah lebih tinggi daripada pendapatan kasar bulanan isi rumah purata kaum Bumiputera iaitu RM2,711 pada tahun 2004 dan RM3,624 pada tahun 2009.

Di samping itu, Kerajaan juga melaksanakan program khusus bagi masyarakat India melalui program-program pembasmian kemiskinan, bantuan kewangan dan keusahawanan melalui SME Corp, TEKUN, AIM dan sebagainya,

Program latihan kemahiran, Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah Bagi Pekerja-Pekerja Estet, bantuan modal kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, dan skim amanah saham juga dilaksanakan. Semua program yang dijalankan bermatlamat untuk meningkatkan penglibatan masyarakat India dalam pembangunan sosioekonomi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang ***Rolling Plan I***, tahun 2011 - 2012, Kerajaan telah memperuntukkan RM27 juta untuk melaksanakan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India dengan kerjasama pelbagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) berdasarkan konsep Nambikei.

Tuan Yang di Pertua,

Bagi mempermudahkan lagi perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan bagi masyarakat India, Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri. Antara fungsi jawatankuasa tersebut ialah untuk memantau dan menggubal dasar dan strategi khusus bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat India yang meliputi aspek-aspek pendidikan, guna tenaga, keusahawanan dan sebagainya.

Di samping itu, Kerajaan turut menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan Jawatankuasa Kabinet yang berfungsi sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Kabinet tersebut untuk memantau dan memastikan perancangan serta pelaksanaan program/projek berkaitan berjalan dengan lancar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy
[Batu Kawan]

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah penambahbaikan yang telah dirancangkan untuk dilaksanakan dalam sistem pengangkutan feri di Pulau Pinang di mana taraf perkhidmatan sistem feri semakin menurun setiap tahun walaupun bilangan kenderaan dan pengguna feri adalah semakin meningkat setiap tahun.

JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia,

Bilangan kenderaan yang menggunakan feri Pulau Pinang telah menurun setiap tahun dimana penurunan ini lebih ketara apabila lorong ketiga Jambatan Pulau Pinang dibuka pada tahun 2009. Statistik trafik kenderaan yang menggunakan perkhidmatan feri dari tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut:

Jenis Kenderaan	2008	2009	2010	2011
Lori	90,863	85,566	72,725	58,902
Kereta	1,264,322	1,210,658	1,034,568	914,721
Motosikal	1,993,914	1,821,237	1,601,288	1,467,193
Jumlah	3,349,099	3,117,461	2,708,581	2,440,816

Sehubungan ini fakta bahawa bilangan kenderaan yang menggunakan perkhidmatan feri semakin meningkat adalah tidak tepat.

Untuk menambahbaik sistem perkhidmatan feri Pulau Pinang, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) telah mengubahsuai bahagian dek atas dua buah feri kenderaan pada bulan Ogos 2011 (yang mana telah pun beroperasi sejak bulan September 2011) bagi menampung penumpang pejalan kaki dan kenderaan. Pengubahsuaian dek tersebut melibatkan separuh daripada dek untuk menampung 150 orang penumpang pejalan kaki dan separuh lagi kekal untuk memuatkan 16 buah kereta. Walau bagaimanapun, ketika waktu puncak penggunaan perkhidmatan feri, bahagian dek atas berkenaan boleh digunakan sepenuhnya untuk menampung penumpang pejalan kaki sahaja.

Pengubahsuaian feri kenderaan telah memberi impak positif kepada perkhidmatan feri di mana terdapat lebih feri yang boleh membawa penumpang pejalan kaki, masa menunggu pengguna dikurangkan dan perancangan trip operasi feri di waktu puncak dan di luar waktu puncak dapat dioptimakan. Dalam pada itu PPSB memang mempunyai rancangan untuk mengubahsuai lagi feri penumpang-kenderaan sedia ada tertakluk kepada permintaan trafik kenderaan dan penumpang pejalan kaki kelak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

(BATU KAWAN)

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Dr. Ramasamy A/L Palanisamy (Batu Kawan) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan mengapakah Kerajaan Persekutuan tidak mengkaji semula dan memperbaiki sistem permohonan serta pemprosesan bantuan kebijakan memandangkan kadar pesakit serta pekerja yang mengalami kecederaan serius di tempat kerja yang memohon bantuan ini semakin meningkat.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi mempertingkatkan lagi perkhidmatan JKM dalam menguruskan bantuan kepada mereka yang layak. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan termasuklah:

- a. Kuasa meluluskan bantuan diturunkan daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah sehingga ke Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah berkuat kuasa pada 17 Jun 2011 yang bertujuan untuk menambah bilangan pelulus dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan bantuan;
- b. Bayaran kepada penerima bantuan dibuat pada 1 hari bulan setiap bulan di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian;

Mewujudkan Tabung Bantuan Segera bagi memastikan kes-kes yang memerlukan bantuan segera dapat terus dibantu tanpa perlu menunggu kelulusan permohonan biasa;

Melaksanakan kaedah Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (PPPK) terhadap proses dan prosedur kerja bantuan kewangan yang sebelum ini mengambil masa sehingga 4 minggu dan dipendekkan kepada hanya satu hari dengan dokumen lengkap. Melalui PPPK ini, permohonan bantuan diproses terus di pejabat dan keputusan permohonan dimaklumkan terus kepada klien pada hari yang sama selepas siasatan / temu duga dijalankan; dan

Memperbanyak urusan pembayaran bantuan dibuat melalui bank. Pada masa ini JKM menggunakan dua kaedah pembayaran bantuan bulanan kepada penerima bantuan iaitu melalui bayaran secara tunai dan melalui bank. Secara purata, 85% bayaran bantuan kebajikan bulanan dibuat melalui bank manakala bakinya dibayar secara tunai. Bagi bayaran melalui bank, semua penerima bantuan bulanan JKM menerima bantuan pada tarikh yang ditetapkan iaitu pada 1 haribulan setiap bulan. Bayaran secara tunai hanya dihadkan kepada mereka yang benar-benar tidak mampu ke bank seperti pesakit kronik dan terlantar.

Memperkenalkan inisiatif *BulkSMS* sebagai kaedah pemakluman segera keputusan kepada pemohon. Melalui inisiatif ini, setiap permohonan yang diluluskan akan diberi makluman awal melalui SMS ke telefon bimbit setiap

pemohon dan bagi yang tidak mempunyai telefon bimbit, keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada perujuk.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAA
N
DARIPADA
SOALAN

BUKAN JAWAB LISAN
DR. RAMASAMY A/L P ALAN IS AMY
NO. 32Z>

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menambahkan bilangan biasiswa dan pinjaman pendidikan serta menambahkan jumlah biasiswa ataupun pinjaman yang diberikan kepada setiap pelajar di mana kos pendidikan IPTA ataupun IPTS dan kos sara hidup adalah semakin meningkat sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan biasiswa sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa agensi-agensi penajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan lain-lain agensi Kerajaan yang menyediakan biasiswa kepada pelajar yang layak.

Waiau bagaimanapun, di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, terdapat Skim Pembiayaan Pendidikan PTPTN yang diwujudkan

bertujuan untuk memberi pembiayaan pinjaman pendidikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan. Pembiayaan ini

akan membolehkan pelajar membiayai sepenuh atau sebahagian yuran pengajian dan juga kos sara hidup di sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT. Sekaligus, skim ini membuka lebih banyak peluang kepada semua golongan pelajar terutama pelajar yang terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah untuk melanjutkan pengajian di peringkat pendidikan tinggi. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan agar tiada pelajar yang tidak dapat melanjutkan pengajian di IPT atas alasan kekangan kewangan.

Pada masa ini Kementerian tidak bercadang untuk menambah jumlah amaun pembiayaan pendidikan yang diberikan kepada setiap pelajar di IPTA ataupun IPTS disebabkan peruntukan kewangan yang terhad. Penambahan amaun pembiayaan bukan sahaja meningkatkan bebanan kewangan Kerajaan, malah akan meningkatkan bebanan hutang yang perlu dibayar oleh pelajar. Bagi menampung kos pendidikan dan kos sara hidup yang semakin meningkat, ibu bapa adalah digalakkan untuk meningkatkan simpanan di dalam Skim Simpanan Pendidikan (SSPN). Untuk tujuan ini, PTPTN telah menguatkuasakan semula syarat simpanan wajib dalam SSPN bagi melayakkan pelajar memohon pembiayaan Pendidikan PTPTN mulai 1 Januari 2012.

Untuk menggalakkan agensi korporat memberikan sumbangan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan, Kerajaan juga telah bersetuju supaya insentif pelepasan cukai ditambah daripada satu kali potongan kepada dua kali potongan diberikan kepada agensi korporat yang menyediakan biasiswa untuk pengajian tinggi. Dasar ini telah diumumkan semasa

pembentangan Bajet 2012 oleh YAB Perdana Menteri.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DR. RAMASAMY **A/L** PALANISAMY [BATU KAWAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membina Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina yang baru di kawasan Seberang Perai , Pulau Pinang di mana tidak wujudnya sekolah menengah aliran ini di kawasan ini yang memperlihatkan semakin meningkatnya populasi masyarakat Cina.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Namun, berhubung dengan cadangan untuk membina Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Cina yang baru di kawasan Seberang Perai, buat masa ini KPM tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina SMJK di kawasan tersebut. Perlu ditegaskan bahawa pada dasarnya di peringkat menengah, KPM hanya akan menubuhkan sekolah menengah kebangsaan (SMK) bagi keperluan semua murid tanpa mengira kaum.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA
MELAKA]

SOALAN Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan :

Jumlah peruntukan yang telah diberi kepada negeri Melaka dari tahun 2008 hingga 2011:

- a) Nyatakan nama projek dan program berkenaan ; dan
- b) Bagaimanakah dengan prestasi dan pencapaian projek dan program ini dan untuk tahun 2012, namakan projek pelancongan yang akan diberi peruntukan dan jumlah amaun yang terlibat.

JAWAPAN

a) Untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka,
Kementerian Pelancongan pada tahun 2008 sehingga
2011 telah melaksanakan pelbagai projek dan program-
program pelancongan di Negeri Melaka. Melalui
Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) bagi tempoh
pelaksanaan dari tahun 2006 hingga 2010, Kementerian
telah memperuntukan sebanyak **RM97.6 juta** bagi
pelaksanaan projek-projek pelancongan di Negeri Melaka.

Di antara projek-projek pelancongan yang telah
dilaksanakan adalah Peningkatan Kemudahan
Pelancongan di Kuala Sungai Baru, Peningkatan
Kemudahan Pelancongan di Pusat Sejarah, Resort dan
Marina Fort Supai, Kuala Linggi dan Pembangunan
Kemudahan Pelancongan dan Menaiktaraf Kolam Ayer
Panas Bemban.

Manakala bagi projek-projek yang dilaksanakan di Negeri Melaka di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) melalui *Rolling Plan* 1, jumlah peruntukan yang telah diberikan bagi pelaksanaan projek di Negeri Melaka pada tahun 2011 adalah sebanyak **RM 46.2 juta.**

Selain daripada itu, Kementerian Pelancongan juga turut menjalankan pelbagai program di negeri Melaka dari tahun 2008 hingga 2011 dalam membangun dan mempromosikan industri pelancongan di Melaka dalam usaha meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Melaka.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka, bagi tahun 2012 sebanyak RM36.2 juta telah disediakan bagi pelaksanaan projek yang sedang dalam pembinaan seperti Pembangunan Lanskap dan Kemudahan Pelancongan di taman Botanikal (Fasa 2), Pembangunan Kemudahan Tasik Chin Chin, Jasin, Pembangunan Perkampungan Hang Tuah dan Pesisiran Sungai Duyong, Pembinaan Monorel di

Persisiran Sungai Melaka dan Naiktaraf/ Penyelenggaraan Projek serta Peningkatan Kemudahan Inap Desa/ Homestay.

Setakat ini, prestasi keseluruhan pelaksanaan projek dan program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan di negeri Melaka dari tahun 2008 hingga 2010 telah siap sepenuhnya manakala projek pada 2011-2012 sedang dalam pelaksanaan mengikut jadual yang ditetapkan.

10
✓

SOALAN NO: 3?ft

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA

TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan penerimaan pensijilan Warisan Negara:

- a) Senaraikan semua penerima sijil warisan negara sejak ia ditubuhkan; dan
- b) Sehingga bulan Februari, masih terdapat berapa permohonan yang masih belum dapat kelulusan, berikan sebab-sebab utamanya.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Sehingga kini, 644 pengiktirafan Warisan telah diberikan dan sebanyak 238 sebagai Warisan Kebangsaan, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 882. Ia meliputi bangunan, tapak, objek, warisan orang hidup dan warisan kebudayaan di bawah air. Senarai penuh boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang

www.heritage.gov.my.

Setiap permohonan sememangnya melalui proses yang panjang termasuk carian rasmi, menghantar notis kepada pemunya, pendengaran terhadap bantahan sekiranya ada, siar wakil **SOALAN NO: 330** serta mendapatkan keizinan pihak berkuasa negeri di mana ia terletak. Di samping itu, setiap pencalonan akan melalui pertimbangan yang akan dibuat oleh Jawatankuasa Pakar. Terdapat 15 Jawatankuasa Pakar dalam bidang pengkhususan masing-masing yang akan menilai setiap pencalonan sebelum disyorkan kepada Pesuruhjaya Warisan untuk kelulusan. Setiap pencalonan akan dinilai berdasarkan kriteria yang dinyatakan dalam Seksyen 67(2) Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan di Kompleks Penjara Sungai Udang Melaka, Kementerian melalui Jabatan Penjara ketika ini sedang melaksanakan penempatan semula pegawai penjara untuk seluruh institusi penjara. Ia turut melibatkan penambahan jumlah pegawai penjara bagi Penjara Sungai Udang. Keperluan pegawai penjara untuk seluruh penjara serta penjara berkenaan dipantau dan diambil tindakan oleh Jabatan Penjara dari masa ke semasa. Begitu juga urusan pengambilan lebih 400 pegawai penjara bagi mengisi kekosongan perjawatan telah selesai dan calon yang terpilih akan melaporkan diri dalam masa terdekat. Pengambilan ini akan turut mengisi keperluan kakitangan di Penjara Sungai Udang.

- (a) Berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 28 Februari 2012 terdapat seramai 1680 banduan yang ditahan di Penjara Sungai Udang Melaka. Jumlah keseluruhan pegawai penjara di penjara berkenaan pada masa tersebut

adalah seramai 311 orang. Ini bermakna purata di antara pegawai penjara dengan banduan adalah 1 nisbah 5 (1:5).

- (b) Pihak Jabatan Penjara Malaysia telah menjalankan kajian mengenai kesesuaian nisbah pegawai penjara dengan banduan bagi melaksanakan tugas di Jabatan Penjara dan nisbah yang bersesuaian bagi Penjara Sungai Udang adalah 1 nisbah 4 (1:4). Nisbah ini akan berubah berdasarkan tahap keselamatan dan kategori banduan sesebuah penjara.

NO.SOALAN: 333,

/

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN SIM TONG HIM**
 [KOTA MELAKA]

RUJUKAN **4607**

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan untuk membanteras mat rempit di seluruh Negara pada tahun 2011:

a) berapa kali operasi telah dijalankan dan jumlah tangkapan serta
Penyampaian BR1M telah bermula pada 15 Januari 2012.
Jumlah saman dikeluarkan, dan

b) berapa buah motosikal masih ditahan dan berapa orang terlibat telah
dihadapkan ke mahkamah.

4. Untuk imakluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 15 April 2012,
pendaftaran BR1M yang telah diterima adalah sebanyak 4.81 juta
permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai 4.2 juta atau hampir
87% daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah termasuk
kelulusan rayuan. Manakala permohonan yang tidak berjaya adalah
seramai 610 ribu atau 13% daripada keseluruhan pemohonan.

5. Antara alasan bagi permohonan yang tidak berjaya adalah
permohonan yang bertindih (over-lapping) atau telah wujud (duplication);
maklumat pemohon, pasangan dan tanggungan tidak lengkap; pendapatan
isirumah melebihi RM3.000; dan pemohon atau pasangan adalah termasuk
dalam kategori pembayar cukai pendapatan.

6. Di samping itu, Kerajaan juga bersetuju untuk melanjutkan tempoh
rayuan BR1M sehingga 30 April 2012 dan menetapkan tarikh sahlaku
baucar BR1M adalah sehingga 15 Mei 2012.

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian BR1M diberikan
kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahu pun latar
belakang politik. Tidak wujud soal pilih kasih dalam pengagihan BR1M.
Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri; Selangor
merupakan negeri penerima tertinggi BR1M iaitu hampir 13% daripada
keseluruhan jumlah penerima diseluruh negara. Walau bagaimanapun,

dari segi peratusan isi rumah negara, Kelantan merupakan negeri penerima BR1M terbanyak iaitu 92% daripada keseluruhan isirumah di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Sehingga 15 April 2012, secara keseiuruhannya, program BR1M melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion dan memanfaatkan 4.2 juta isirumah atau 64% daripada jumlah keseluruhan isirumah negara. Peruntukan ini menggunakan perbelanjaan mengurus B11 Perkhidmatan Am Perpendaharaan, butiran 020500 yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan adalah ditampung melalui kutipan hasil dan bukanlah daripada sumber pinjaman yang diwar-warkan oleh sesetengah pihak. Kejayaan program BR1M ini adalah hasil kekuuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

3>3S
y

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH

(JASIN)

PERTANYAAN : BERTULIS

SOALAN

34er£3,S

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status dan pencapaian BR1M (Bantuan Rakyat 1 Malaysia) dari segi jumlah pemohon dan kelulusan yang diberi, jumlah wang yang dikeluarkan, permohonan yang ditolak dan sejauh mana ia menepati matlamat membantu golongan sasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dilaksanakan buat julung kalinya atas usaha Kerajaan yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isirumah berpendapatan RM3.0Q0 dan ke bawah. Sehingga kini, pelaksanaan program BR1M berjalan lancar dan usaha murni Kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isirumah yang layak ini telah dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka. Dalam masa yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat merancakkan aktiviti ekonomi domestik.
2. Terdapat tiga peringkat dalam pelaksanaan BR1M iaitu peringkat pengedaran borang BR1M dan pendaftaran; proses semakan serta validasi; dan peringkat pengagihan BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula 10 Disember 2011 sehingga 10 Februari 2012. Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi memudahkan rakyat mendapatkan borang dan membuat pendaftaran.

3. Kesemua maklumat dalam borang BR1M telah didaftarkan ke dalam sistem BR1M yang berpengkalan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menjalani proses semakan dan validasi. Proses validasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data-data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara(JPN), LHDN, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Unit

NO. SOALAN:336

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YBHG. DATUK WIRA AHMAD HAJI HAMZAH

[JASIN]

SOALAN

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha Kerajaan dan TalentCorp untuk menarik kembali bakat-bakat tempatan yang banyak berkhidmat di negara Singapura khususnya di mana arus pesat globalisasi, fenomena curi bakat tidak dapat dielakkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan memandang serius isu *brain drain*. Mengikut Laporan *Malaysia Economic Monitor: Brain Drain* yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada April tahun 2011, kira-kira satu juta rakyat Malaysia sedang menetap di luar negara, di mana seorang daripada setiap tiga yang bekerja di luar negara berkepakaran tinggi.
2. Walau bagaimanapun, memahami bahawa dunia kini tanpa sempadan, Kerajaan tidak akan menghalang keinginan dan keupayaan seseorang untuk bermigrasi ke negara yang berpendapatan tinggi. Kerajaan akan masih terus berusaha untuk

menggunakan fenomena ini untuk manfaat negara. Pendekatan ini adalah selaras dengan rumusan Laporan Bank Dunia tersebut yang menyatakan, "*Brain drain is a wave to be ridden, not a tide to be turned*". Ini adalah memandangkan pemindahan pengetahuan di antara negara asal dan negara destinasi akan menyumbang kepada peningkatan dalam bidang sains dan teknologi dan rangkaian perniagaan yang mantap, seterusnya meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan asing di sesbuah negara. Justeru, fenomena emigrasi modal insan tidak semestinya negatif tetapi mempunyai potensi positif terhadap sesbuah negara, khususnya dalam menarik pulang rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi serta membina jaringan pasaran sebagai saluran untuk mempromosi produk dan perkhidmatan Malaysia di luar negara.

Sehubungan itu, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) mengadakan sesi temu seru ke arah membangunkan jaringan dengan masyarakat Malaysia di luar negara, termasuk di Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Sesi temu seru sedemikian turut diadakan bersama wakil-wakil industri dalam negara untuk mempromosikan peluang-peluang pekerjaan profesional yang wujud hasil daripada pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Bagi tahun 2012, sesi temu seru setakat ini telahpun diadakan di Ireland, United Kingdom dan Jepun yang telah dihadiri oleh golongan professional Malaysia dari pelbagai bidang. Sesi temu seru ini antara lain membolehkan masyarakat Malaysia di luar negara memahami dengan lebih mendalam lagi usaha-usaha TalentCorp untuk memudahcara (*facilitate*) kepulangan golongan professional ke Malaysia serta peluang pekerjaan yang luas di Malaysia hasil daripada projek di bawah ETP.

Selain itu, TalentCorp juga terus berusaha untuk membina jaringan profesionalisme dengan mereka yang menetap di luar negara untuk

memanfaatkan kelekuan dan jaringan luar negara mereka bagi faedah pembangunan ekonomi tempatan walau di manapun mereka berada. Misalnya, beberapa pakar Malaysia dari Silicon Valley telah dijemput kembali ke tanahair untuk mengendalikan bengkel di ibu negara pada bulan yang lalu bersama beberapa syarikat bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC). Ini memberi indikasi bahawa rakyat Malaysia di luar negara terus mahu memberi sumbangan kepada negara sungguhpun berada di luar.

Program *Returning Expert Program* (REP) merupakan satu program yang dirangka untuk memudahkan kepulangan golongan profesional Malaysia menerima respons yang amat menggalakkan. Ini dapat dilihat dari segi peningkatan bilangan profesional yang telah diberi kelulusan insentif REP dari tahun ke tahun. Pada tahun 2011, bilangan tersebut meningkat kepada 680 orang berbanding 313 pada tahun 2010.

Mereka yang telah kembali ke Malaysia pula sedang berkhidmat dalam pelbagai bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) khususnya sektor Perkhidmatan Kewangan; Perkhidmatan Perniagaan; Minyak, Gas dan Tenaga; Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur; serta Elektrik dan Elektronik. Antara golongan yang kembali berkhidmat termasuklah para profesional yang

berkualiti tinggi yang kini telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di syarikat tersenarai serta sebagai anggota pengurusan terkanan di syarikat multinasional.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya Kementerian memfokuskan penggabungan institusi perbankan termasuk perbankan Islam tetapi dalam masa yang sama menggalakkan pembukaan bank-bank asing di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah penggabungan institusi-institusi perbankan domestik merupakan sebahagian daripada inisiatif strategik memperkuuh kapasiti dan keupayaan institusi perbankan tempatan bertujuan untuk menghasilkan institusi-institusi perbankan domestik yang berdaya saing, cekap dan dinamik yang berupaya membangunkan industri perkhidmatan kewangan yang kukuh dan mampan.

2. Hasil daripada penggabungan institusi-institusi perbankan domestik yang dilaksanakan pada tahun 2000, institusi-institusi perbankan domestik kini mempunyai tahap permodalan yang kukuh dan lebih berdaya tahan dengan tadbir urus korporat yang lebih teguh, struktur dalaman yang cekap, amalan pengurusan risiko yang teguh dan sumber pendapatan yang pelbagai. Kapasiti yang lebih kukuh juga telah membolehkan institusi-institusi perbankan domestik meneroka ke luar negara dan meraih manfaat daripada

NO SOALAN ££2

/

peluang-peluang perniagaan baru. Kesemua ini secara langsung telah meletakkan mereka dalam keadaan yang lebih bersedia untuk bersaing dengan lebih bermakna dalam persekitaran yang lebih kompetitif dan liberal.

3. Pengeluaran lesen-lesen perbankan baru kepada institusi-institusi perbankan asing merupakan sebahagian daripada proses liberalisasi yang dilaksanakan secara beransur-ansur, teratur dan terpilih bagi memastikan negara dapat meraih manfaat maksimum dan bertujuan untuk membawa masuk kepakaran khusus bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kewangan kepada sektor pertumbuhan baru dan ekonomi sasaran yang tidak ditawarkan oleh institusi-institusi perbankan sedia ada. Di samping menyumbang ke arah pembangunan keseluruhan sektor kewangan yang lebih pelbagai di Malaysia, penyertaan bank-bank asing baru dalam sistem kewangan negara akan memperkuuh dan mempertingkatkan kesalinghubungan ekonomi dan kewangan Malaysia dengan negara-negara lain, ia juga dapat memperkuuh kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa, menarik pelaburan langsung asing ke Malaysia dan menyediakan peluang pekerjaan baru kepada rakyat Malaysia.

4. Kesemua langkah ini akan menyumbang ke arah pembangunan sektor kewangan yang lebih berdaya saing dan menyeluruh, seterusnya meningkatkan peranan sektor kewangan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara dalam usaha memacu peralihan Malaysia untuk mencapai ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.

NO SOALAN :-

345-

PEMBERITAHU

<u>AN</u>	
<u>PERTANYAAN</u>	BUKAN LISAN
<u>DEWAN</u>	
DARIPADA	DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH
<u>RAKYAT</u>	
SOALAN	

Minta PERDANA MENTERI menyatakan kesan dan impak positif hasil penyenaraian FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) sebagai platform terbaik untuk generasi muda FELDA berkembang dalam persekitaran perniagaan global yang kompetitif.

JAWAPAN	DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
	TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

FGVH akan mengembangkan perniagaannya secara agresif di dalam industri hulu dan hiliran perniagaan yang berdasarkan pertanian.

Ini akan membuka lebih peluang kepada generasi muda untuk mengambil bahagian sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti mendapat peluang pekerjaan dan peluang keusahawanan.

JAWAPAN :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG
[BUKIT BENDERA]**

RUJUKAN 4608

SOALAN :

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status:-

- (a) pembinaan Bilik 28 dan pemasangan CCTV di balai dan lokap polis dari 2009 hingga 2012; dan
- (b) pelan dan tempoh pembubaran Jabatan Narkotik seperti dinyatakan dalam jawapan saya rujukan No.4324 pada Mesyuarat Ketiga 2012.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menjawab pertanyaan (a), pembinaan Bilik D8 atau Bilik Soal Siasat (BSS) PDRM yang dibina baru di premis sedia ada di seluruh negara adalah berjumlah 48 buah. Di samping itu, keperluan BSS telah dimasukkan dalam skop pelaksanaan projek pembinaan Balai Polis (BP) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) baru dan sehingga tahun 2012, sebanyak 19 IPD dan 28 BP baru yang

mengandungi komponen BSS telah siap dilaksanakan.

Sistem CCTV yang dipasang bagi kawalan sistem lokap di balai-balai polis serta pemantauan perimeter di premis-premis PDRM adalah 384 unit yang merangkumi Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman sebanyak, Ibu Pejabat Polis Kontijen, Ibu Pejabat Polis Daerah dan Balai-balai Polis.

Bagi menjawab pertanyaan (b), buat masa ini tanggungjawab berkaitan Pemulihan telah pun diserahkan kepada pihak AADK. Walau bagaimanapun tugas-tugas berhubung Pencegahan masih lagi di bawah tanggungjawab Jabatan Narkotik PDRM.

SOALAN NO: 340

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN BUKAN LISAN

TARIKH:

SOALAN: YB TUAN UEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)

minta Perdana Menteri menyatakan secara terperinci nama, bidang kuasa, pengurus dan ahli-ahli jawatankuasa-jawatankuasa kabinet sedia ada.

JAWAPAN OLEH: YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini terdapat 51 Jawatankuasa Kabinet (JKK) yang masih berkuat kuasa iaitu sebanyak 18 JKK dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, sebanyak 17 JKK dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan sebanyak 16 JKK dipengerusikan YB Menteri yang berkaitan.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Kerajaan supaya isu tertentu diberi fokus secara khusus dan dibincangkan dengan terperinci

cara untuk menanganinya. Ahli kepada JKK turut terdiri daripada pihak swasta, wakil pertubuhan bukan Kerajaan dan ahli akademik untuk bersama-sama memberi pandangan mengenai sesuatu isu.

Bidang kuasa sesuatu JKK adalah tertakluk kepada tujuan penubuhannya dalam menangani atau menyelesaikan sesuatu isu misalnya inflasi, modal insan, masalah dadah, masalah pendatang asing tanpa izin, keselamatan jalan raya, biodiversiti, pembangunan sukan dan pelancongan negara.

No. Soalan :
[341]^ PR-1251-
T47801

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN **JAWAB BUKAN LISAN**

DARIPADA **TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT
BENDERA]**

NO. SOALAN **[341]**

SOALAN Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]
minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan pendirian dan dasar luar negeri
Malaysia terhadap situasi dan
perkembangan terkini di:

- (a) Myanmar, Iran dan Syria; dan
- (b) Isu Palestin dan sama ada Malaysia
menyokong saranan pembangunan
bersama di Laut China Selatan

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera di atas soalan yang dikemukakan.

Myanmar

2. Republik Kesatuan Myanmar kini sedang melalui satu proses pembaharuan kepada satu sistem demokratik yang progresif. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri telah mengadakan lawatan beliau yang pertama ke Myanmar pada 28 - 29 Mac 2012 untuk melihat sendiri pembaharuan tersebut. Malaysia amat mengalu-alukan perkembangan positif yang sedang berlaku di Myanmar dan percaya bahawa Presiden U Thein Sein adalah komited untuk mencapai matlamat tersebut.
3. Malaysia sentiasa menyokong Kerajaan Myanmar dalam proses pendemokrasian yang dilaluinya kini kerana yakin bahawa Kerajaan Myanmar adalah komited dalam usahanya untuk membawa kestabilan dan kemakmuran kepada rakyat negara tersebut. Malaysia akan terus memberi sokongan dan galakan kepada Myanmar dalam menghadapi cabaran pembaharuan terutamanya dalam melaksanakan pembaharuan politik.
4. Malaysia percaya bahawa proses pilihan raya kecil yang berlangsung pada 1 April 2012 lalu telah diadakan dengan bebas, adil dan telus. Malaysia dan negara-negara anggota ASEAN yang lain berserta rakan dialog rantau ini dan beberapa organisasi antarabangsa telah dijemput oleh Kerajaan Myanmar untuk memerhati dan menilai perjalanan proses pilihan raya yang berlangsung. Langkah ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Myanmar ke arah

pendemokrasian, perdamaian dan penyatuan di peringkat kebangsaan (*national reconciliation and reconsolidation*).

5. Malaysia berpendirian bahawa sebarang sekatan ke atas Myanmar tidak akan membawa hasil yang diharapkan oleh pihak Barat tetapi akan hanya mendatangkan beban terhadap rakyat negara tersebut. Justeru, Malaysia telah menyeru masyarakat antarabangsa agar menyokong proses pembaharuan di Myanmar dan menggesa supaya sekatan ke atas Myanmar dapat ditarik balik bagi membantu proses pendemokrasian serta pembaharuan ekonomi yang kini sedang dilalui Myanmar.

Iran

6. Dasar luar negeri Malaysia adalah jelas dan nyata iaitu Malaysia tidak sekali-kali akan mencampuri urusan negara-negara lain termasuk Iran. Malah, Malaysia menganggap Iran sebagai sebuah negara rakan yang berpotensi tinggi walaupun terdapat pelbagai tekanan yang telah dikenakan kepada negara tersebut terutamanya dari pihak Barat. Hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Iran adalah baik di mana pada tahun 2011, Iran merupakan rakan niaga ke empat terpenting bagi Malaysia di kalangan negara-negara di rantau Asia Barat.

7. Walau bagaimanapun, Malaysia sentiasa memantau perkembangan yang berlaku di Iran terutamanya konflik dan penggeseran yang tercetus antara Iran dengan Barat dalam isu nuklear. Dalam hal ini, Malaysia berharap semua pihak dapat mencapai kata sepakat dalam menyelesaikan masalah secara aman dan berpendirian bahawa isu ini harus diselesaikan di meja rundingan tanpa perlu melibatkan tindakan ketenteraan yang kelak hanya akan mengorbankan orang ramai yang tidak berdosa.

Syria

8. Untuk makluman Yang Berhormat, pergolakan politik dan keselamatan di Syria masih berterusan berikutan konflik bersenjata dan demonstrasi oleh pihak pembangkang terhadap rejim Presiden Assad. Sehingga kini, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan lebih dari 9,000 orang awam telah terkorban di Syria sejak pemberontakan bermula pada 16 Mac 2011.

9. Sesungguhnya, Malaysia memandang berat konflik yang semakin meruncing di negara tersebut yang pastinya akan memberi kesan terhadap kestabilan serantau dan geopolitik dunia. Sungguhpun beberapa negara luar mengecam keganasan yang dilakukan oleh rejim Syria serta cuba untuk campur tangan terhadap di negara tersebut, Malaysia tetap tegas dengan dasar negara iaitu tidak mencampuri hal ehwal dalaman sesebuah negara bagi menghormati kedaulatan negara tersebut. Walau bagaimanapun, Malaysia akan terus bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian kepada konflik di Syria. Malaysia menyokong usaha mencari jalan penyelesaian secara aman demi kepentingan rakyat Syria dan keamanan serta keselamatan serantau.

10. Malaysia juga akan tetap meneruskan hubungan dua hala diplomatik dengan negara berkenaan untuk memelihara kepentingan negara dari segi politik dan ekonomi, dan demi menjaga keselamatan dan kebijakan rakyat Malaysia yang berada di sana.

Palestin

11. Mengenai konflik Palestin - Israel, Malaysia berpendirian bahawa ia

boleh diselesaikan melalui rundingan yang adil bagi memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau yang berkekalan. Dalam hubungan ini, Malaysia telah menggesa supaya semua pihak berusaha mencari satu penyelesaian komprehensif yang adil dan saksama berdasarkan kepada ‘Roadmap’ yang diusahakan oleh Kuartet Damai Timur Tengah, Inisiatif Damai Arab dan resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berkaitan, di mana kedua-dua buah negara dapat hidup berjiran dalam keadaan aman dan selamat.

Laut China Selatan

12. Wujud tuntutan bertindih ke atas ruang maritim dan entiti seperti pulau, batuan, terumbu dan sebagainya di kawasan Laut China Selatan. Tuntutan bertindih ini melibatkan negara-negara pesisir pantai Laut China Selatan iaitu Malaysia, Viet Nam, Brunei Darussalam, Filipina dan Republik Rakyat China.

13. Pembangunan bersama (*joint development*) merupakan satu langkah sementara (*interim measure*) yang boleh diambil oleh negara-negara yang terlibat di dalam tuntutan bertindih untuk bekerjasama mengeksplorasi sumber-sumber semula jadi di kawasan tuntutan bertindih. Contoh pembangunan bersama yang telah dipersetujui oleh

Malaysia adalah seperti di Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia - Thailand (*Malaysia - Thailand Joint Development Area* - MJTDA) dan *Commercial Arrangement Area* (CAA) antara Malaysia dan Viet Nam.

14. Sehingga kini, tiada cadangan khusus untuk menjalankan pembangunan bersama di kawasan luar pantai Laut China Selatan yang dikemukakan oleh negara-negara yang menuntut kepada Malaysia. Dalam masa yang sama, sebarang cadangan pembangunan bersama di kawasan Laut China Selatan, sekiranya ada, perlu dikaji oleh Kerajaan dengan teliti untuk memastikan kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dilindungi.

Sekian, terima kasih.
DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)
PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan gaji, elaun dan kemudahan yang dibekalkan kepada Pengerusi dan ahli-ahli lembaga pengarah Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan bagi CIMA (Cement Industries of Malaysia Bhd), ACR Capital Holdings Pte, Ltd, Pantai Holdings, PLUS Expressways (PLUS Expressways Bhd), Putrajaya Holdings (Putrajaya Holdings Sdn.Bhd), MAS (Malaysian Airline Sdn Bhd), Valuecap (Valuecap Sdn. Bhd), IMalaysia Development Berhad, UEM Group (United Engineers (M) Bhd) dan Pos Malaysia Berhad.

DRAF JAWAPAN

Untuk makluman, syarikat yang tersenarai di atas adalah merupakan syarikat-

syarikat di bawah Kumpulan Syarikat Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) kecuali Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia) dan IMalaysia Development Bhd. Khazanah telah melupuskan pegangan sahamnya dalam Pos Malaysia kepada pihak swasta pada bulan April 2011. Selepas pelupusan pegangan saham tersebut, pemegang saham utama Pos Malaysia kini adalah merupakan pihak swasta.

2. Jumlah ganjaran keseluruhan yang diberikan kepada Lembaga Pengarah syarikat GLC kecuali Pos Malaysia bagi tahun kewangan berakhir 2010 sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan Syarikat adalah seperti berikut:

	Syarikat	Ganjaran RM
1	IMalaysia Development Bhd	697,000
2	ACR Holdings Pte Ltd	2,471,000
3	Cement Industries of Malaysia Bhd	915,000
4	Malaysian Airline System Bhd	3,401,000
5	Pantai Holdings Bhd	2,961,000
6	PLUS Expressways Bhd	1,650,000
7	Putrajaya Holdings Sdn Bhd	945,000
8	Valuecap Sdn Bhd	966,000
9	UEM Group Bhd	2,045,000

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG
[BUKIT BENDERA]**

RUJUKAN

4609

NO. SOALAN : 344

SOALAN :

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik terperinci kekuatan keanggotaan polis beruniform dari 2001 hingga 2012:-

- (a) pecahan Jabatan KDN/KA mengikut pasukan atau komponen seperti PGA, PGK, Marin, PSP, Unit udara dan sebagainya; dan
- (b) pecahan Jabatan Siasatan Jenayah, Cawangan Khas, Jabatan Pengurusan dan Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan mengikut tugas.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, statistik kekuatan anggota polis beruniform dari tahun 2001 hingga 2011 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA POLIS BERUNIFORM
2001	82,135
2002	84,206
2003	86,687
2004	89,999
2005	91,080
2006	92,555
2007	92,515
2008	100,840
2009	100,618
2010	105,929
2011	109,969

Jumlah kekuatan anggota di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA) PDRM adalah sebanyak 33,003 orang. Statistik terperinci mengikut pecahan penugasan adalah seperti berikut:

BIL.	CAWANGAN / UNIT	KEKUATAN
1.	Cawangan Gerakan	9,588
2.	Pasukan Gerakan Am	12,583
3.	Pasukan Gerakan Marin	2,068
4.	Pasukan Simpanan Persekutuan	2,139
5.	Unit berkuda	96
6.	Pasukan Gerakan Khas	901
7.	Unit Udara	413
8.	Trafik	5,215
	JUMLAH	33,003

Bagi Jabatan Pengurusan PDRM pula, jumlah kekuatan adalah sebanyak 45,471. Statistik terperinci dan pecahan mengikut penugasan adalah seperti berikut:

BIL.	CAWANGAN / UNIT	KEKUATAN
1.	Ibu Pejabat Bukit Aman	1,534
2.	14 Buah Ibu Pejabat Polis Kontinjen	2,160
3.	152 ibu pejabat Polis Daerah	2,047
4.	828/723 Balai / Pondok Polis	31,421
5.	SUKSIS (20 IPTA)	256
6.	Institut Latihan (3 Maktab /11 Pusat Latihan)	3,519
7.	Kawalan Keselamatan Kawasan Istana (14 kontinjen)	1,155
8.	Kawalan Keselamatan Lapangan Terbang (20 tempat)	424
9.	Pancarahaam (4 pusat)	329
10.	Misi PBB	161
11.	Simpanan Latihan Dan Kontinjensi	2,193
12.	Jawatan Dipinjamkan Ke Jabatan Lain	1
13.	Kadet Polis	224
14.	Jawatan Terbuka	47
	JUMLAH	45,471

Statistik terperinci mengenai kekuatan anggota di Jabatan Siasatan Jenayah, Cawangan Khas dan Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan mengikut pecahan penugasan masing-masing tidak dapat dikemukakan

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

atas sebab-sebab keselamatan.

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA YB Tuan Jeff Ooi Chuan Aun

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI memberikan butir-butir selengkapnya, bagaimana Suruhanjaya Siasatan DiRaja (RCI) mengenai Pendatang Tanpa Izin di Sabah akan dijalankan dengan berpandukan satu penjadualan yang tepat.

JAWAPAN:

1. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menyiasat masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah pada 8 Februari 2012. Berikutan daripada itu, Kerajaan telah memulakan proses bagi menyediakan terma rujukan (*terms of reference*) Suruhanjaya Siasatan tersebut.

2. Kehadiran pendatang asing tanpa izin di Sabah bukanlah suatu fenomena yang baru. Sejarah kemasukan kumpulan ini, khususnya yang berasal dari Selatan Filipina dan Indonesia, telah bermula sejak negeri Sabah masih di bawah pemerintahan British. Antara faktor yang mendorong kemasukan kumpulan ini ke Sabah termasuklah pertalian kekeluargaan, mencari perlindungan keselamatan, ekonomi dan amalan tradisi. Fenomena kemasukan ini berlarutan sehingga sekarang dan

pada masa ini, adalah didapati bahawa kemasukan kumpulan ini lebih didorong oleh faktor ekonomi, iaitu mencari pekerjaan.

3. Bagi memastikan masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah ini dapat diselesaikan secara komprehensif, maka terma-terma rujukan bagi Suruhanjaya tersebut perlulah menyeluruh dan praktikal. Ini adalah bagi membolehkan Suruhanjaya itu mengemukakan cadangan penyelesaian yang berkekalan.

4. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan pihak-pihak yang berkenaan dalam memuktamadkan terma-terma rujukan Suruhanjaya Siasatan DiRaja supaya terma-terma rujukan tersebut boleh diterima oleh semua pihak.

5. Suatu jadual pelaksanaan bagi menjalankan siasatan, kajian dan seterusnya penyediaan hasil kajian dan cadangan penyelesaian akan dibuat mengikut tempoh yang munasabah dan bersesuaian, setelah mengambil kira semua isu yang perlu diteliti serta kerumitannya. Kerajaan akan memastikan laporan Suruhanjaya ini akan dikemukakan dalam tempoh yang telah ditetapkan itu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

SOALAN NO : 345/

**DARIPADA TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan dengan secara komprehensif tentang kerangka serta mekanisma pelaksanaan bagi gagasan skim penjagaan kesihatan ‘1Care for 1 Malaysia’ yang akan diwajibkan ke atas semua rakyat Malaysia. Bilakah skim ini akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua

1Care adalah cadangan penstrukturran semula sistem kesihatan negara yang masih dalam peringkat cadangan awal. Tujuannya adalah untuk mengukuhkan sistem kesihatan Malaysia, supaya semua rakyat boleh mendapatkan rawatan kesihatan berkualiti. Cadangan ini masih lagi di peringkat konsep dan Kerajaan belum mengambil sebarang keputusan mengenai perkara-perkara ini. Pelbagai aspek persediaan mengenai 1Care sedang diperincikan dengan mengambil kira cadangan dan input dari pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders* - dengan izin). Dari

|

tahun 2009 sehingga 2011, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan sebanyak 56 perbincangan, bengkel, seminar, persidangan dan forum bersama organisasi bukan Kerajaan (NGO), pihak akademik serta wakil komuniti bagi tujuan tersebut. KKM sentiasa mengalukan sumbangan idea dan maklumbalas mengenai bagaimana sistem kesihatan negara boleh diperkuuhkan lagi.

Dalam usaha mempertingkatkan sistem kesihatan negara melalui penstrukturran semula ini, Kerajaan bertujuan memastikan:

- 1) rakyat boleh mendapatkan penjagaan kesihatan yang berkualiti tanpa mengira tahap usia dan tahap kesihatan;
- 2) rakyat boleh membuat pilihan untuk mendapatkan rawatan di klinik dan hospital swasta atau awam tanpa mengira tahap kemampuan mereka;
- 3) rakyat boleh mendapatkan penjagaan kesihatan berhampiran dengan tempat tinggal atau tempat kerja mereka;
- 4) rakyat boleh memilih doktor keluarga masing-masing dan boleh menukarnya sekira perlu. Doktor keluarga ini akan lebih mengenali dan memahami masalah kesihatan setiap individu dan keluarga mereka serta membantu mereka terus mendapatkan penjagaan kesihatan sepanjang hayat;
- 5) rakyat tidak perlu bimbang mengenai bayaran semasa mereka mendapatkan rawatan yang mereka layak;
- 6) Kerajaan akan terus membiayai penjagaan kesihatan untuk rakyat miskin;
- 7) sumbangan untuk keperluan penjagaan kesihatan tidak akan membebankan rakyat; dan

- 8) rakyat tidak akan mengalami masalah kewangan atau jatuh miskin kerana membiayai rawatan kesihatan.

Dalam usaha meningkatkan perkhidmatan dan kualiti penjagaan kesihatan untuk mengutamakan keperluan rakyat, negara menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang perlu ditangani. Di antara isu-isu ini termasuklah kewujudan dua sektor penjagaan kesihatan yang berbeza iaitu sektor awam dan swasta memberi impak ke atas kualiti penjagaan kesihatan. Perbezaan yang ketara adalah dari segi infrastruktur seperti fasiliti dan peralatan kesihatan, amalan klinikal dan kompetensi anggota profesional dan juga sokongan. Perbezaan ini memberi kesan kepada persepsi kualiti perkhidmatan dan keselamatan pesakit.

Pada masa ini, terdapat perbezaan dan ketidakseimbangan sumber manusia dan bebanan kerja di antara sektor awam dan swasta. Walaupun terdapat rangkaian fasiliti kesihatan yang meluas di Malaysia, namun taburannya masih tidak seimbang. Kemudahan fasiliti swasta lebih tertumpu di kawasan bandar dan perkhidmatan pakar juga lebih banyak terdapat di bandar-bandar utama. Oleh itu, masyarakat luar bandar tidak menerima tahap perkhidmatan yang setara dengan masyarakat yang tinggal di bandar. Ini menyumbang kepada ketidaksamaan pencapaian tahap kesihatan di antara penduduk bandar dan luar bandar. Walaupun sejak merdeka, negara telah mencapai banyak kejayaan dalam meningkatkan tahap kesihatan rakyat, namun kini indikator-indikator kesihatan tidak banyak berubah dan tidak menunjukkan peningkatan tahap kesihatan ketara untuk beberapa tahun kebelakangan ini, berbanding negara-negara lain.

Di sektor swasta, pesakit bebas mendapatkan rawatan dari mana-mana

peringkat penjagaan kesihatan tanpa dirujuk. Amalan *doctor-hopping* (dengan izin) di kalangan pesakit adalah membimbangkan dan perlu diberi perhatian kerana ia tidak menggalakkan amalan penjagaan kesihatan yang berhemah dan baik. Ini menjadi lebih genting lagi dengan peningkatan bilangan penduduk warga emas dan juga perubahan corak dan beban penyakit di Malaysia. Pada masa ini, penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan kanser semakin meningkat. Kedua-dua situasi ini memerlukan rawatan jangka panjang bersama doktor yang benar-benar memahami keperluan kesihatan pesakit secara berterusan.

Memandangkan bilangan pesakit yang menggunakan hospital awam semakin bertambah, tidak hairanlah kesesakan adalah satu isu yang merumitkan usaha Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih selesa kepada pesakit dan pelawat. Dalam situasi ini timbul ketidakpuasan dari pelanggan dan anggota fasiliti tersebut. Aduan yang kerap diterima oleh KKM adalah waktu menunggu yang panjang bagi mendapatkan rawatan di setiap peringkat penjagaan kesihatan.

Keadaan tempat kerja yang kurang memuaskan, beban kerja yang tinggi dan ganjaran yang tidak setimpal menyumbang kepada penghijrahan pakar, doktor dan anggota kesihatan terlatih dari sektor awam ke sektor swasta dan ke luar negara. Pada masa yang sama, walaupun perkhidmatan penjagaan kesihatan yang diberikan tidak mencapai tahap kualiti yang sepatutnya, caj rawatan tinggi masih akan dikenakan di sektor swasta.

Walaupun rakyat telah banyak mendapat manfaat daripada sistem kesihatan yang dibiayai oleh Kerajaan, namun proses mensasarkan sumber kewangan awam adalah kurang cekap. Golongan yang berkemampuan turut mendapat

faedah dari perkhidmatan kesihatan awam yang kosnya dibiayai oleh Kerajaan. Jadual Fi yang dikenakan amat rendah kerana subsidi yang diberi oleh Kerajaan walaupun bagi mereka yang berkemampuan. Ini menyumbang kepada ketirisan subsidi Kerajaan.

Sistem pembiayaan kesihatan sedia ada mungkin tidak mampu bertahan dengan peningkatan pesat dalam perbelanjaan penjagaan kesihatan dan kadar perbelanjaan wang saku (*out-of-pocket* - dengan izin) yang tinggi. Kekerapan liputan media meminta bantuan kewangan bagi membiayai kos rawatan menunjukkan kelemahan sistem pembiayaan kesihatan sekarang.

Dengan kesedaran mengenai isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kesihatan Negara, pihak KKM telah banyak meneliti pelbagai pilihan bagi memastikan sistem kesihatan negara kekal relevan, lebih berkualiti dan memenuhi keperluan penduduk. Kini KKM sedang menyediakan cadangan awal pelan penstruktur semula sistem kesihatan dengan mengambil kira isu yang dinyatakan diatas. Dalam hal ini KKM mengalu- alukan sumbangan idea dan maklumbalas mengenai bagaimana sistem kesihatan Negara boleh diperkuuhkan lagi.

NO.SOALAN : 346

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA **YB JEFF OOI CHUAN AUN**

SOALAN:

YB Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI menyatakan penjelasan sepenuhnya mengenai formula perpindahan gaji daripada Skim Saraan Malaysia (SSM) kepada Skim Baru Perkhidmatan Awam (SBPA), serta soal-soal yang melibatkan gaji maksimum. Apakah penjadualan tepat bagi pelaksanaan SBPA.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 8 Mac 2012, Kerajaan telah mengumumkan bahawa SBPA dibatalkan dan sistem saraan akan kembali kepada Sistem Saraan Malaysia dengan penambahbaikan-penambahbaikan tertentu. Satu Suruhanjaya akan ditubuhkan yang akan dianggotai oleh semua pihak berkepentingan untuk mengkaji secara komprehensif dan holistik Perkhidmatan Awam Malaysia yang bukan sahaja melibatkan sistem saraan tetapi juga rupa bentuk Perkhidmatan Awam masa depan yang diperlukan negara. Suruhanjaya ini akan bekerja berasaskan prinsip musyawarah, perundingan dan permuafakatan. Justeru itu, suruhanjaya ini akan turut mengkaji permasalahan SBPA.

Sekian, terima kasih.
DARI PADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)
PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan perbandingan mengenai formula kiraan subsidi bagi bahan-bahan api termasuk gas asli, gula serta beras yang telah digunakan pada tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011 serta jumlah tanggungan subsidi yang terabit dalam tahun-tahun tersebut

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, formula kiraan subsidi bagi produk petroleum (RON95, diesel, LPG), gula dan beras adalah seperti berikut:-

a) Produk Petroleum:

NO SOALAN ;3\$2/

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Pengiraan subsidi produk petroleum adalah melalui '*Automatic Pricing Mechanism*' (APM) yang mengambil kira komponen-komponen tetap iaitu kos produk, kos operasi, margin syarikat minyak dan margin pengusaha stesen minyak.

b) Gula:

Pengiraan subsidi gula mengambil kira yield loss, kos penapisan, kos jualan

dan kos pengedaran pengilang, dan margin pengilang, pemborong dan peruncit.

c) Beras:

Pengiraan subsidi beras mengambil kira kos pengeluaran, pembungkusan, kos pengedaran dan margin pengilang, pemborong dan peruncit.

2. Jumlah tanggungan subsidi yang terlibat adalah seperti berikut:

Tahun	Bahan Api RM (juta)			Gula RM (juta)	Beras RM (juta)
	RON95	Diesel	LPG		
2008	5,987	8,989	2,581	Tiada Subsidi	182
2009	2,587	1,696	1,907	720	400
2010	3,727	4,188	1,690	789	338
2011	9,902	8,517	1,956	262	655

DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN JEFF 001 CHUAN AUN [JELUTONG] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan perkembangan terkini tentang

NO SOALAN &T

penglibatan AirAsia dalam neogangsa saham Malaysia Airlines (MAS) serta impak terhadap kebaikan dan potensi kenaikan pangkat bagi pekerja-pekerja MAS, khususnya kaum Bumiputera, sesudah rombakan struktur korporat tersebut selesai. Sila nyatakan bilangan pekerja Bumiputera di MAS yang akan dilepaskan menerusi skim-skim perpisahan.

JAWAPAN

Susulan daripada pertukaran saham di antara Malaysian Airlines System Bhd (MAS) dan AirAsia Bhd (AirAsia), MAS kini memberi lebih fokus terhadap pelaksanaan Pelan Perniagaan baru yang telah diumumkan pada 7 Disember

2011 untuk menjana hasil yang lebih tinggi dan seterusnya meningkatkan prestasi MAS.

2. Pada masa ini, MAS tidak berhasrat untuk memberhentikan kakitangannya kerana tindakan berkenaan merupakan opsyen terakhir dalam pelan penyusunan semula syarikat. Pengurangan kakitangan MAS hanyalah disebabkan oleh peletakan jawatan oleh kakitangan, persaraan atau tamat tempoh kontrak perkhidmatan. Selain itu, MAS juga akan menawarkan opsyen kepada semua kakitangan, tanpa mengira bumiputera atau bukan bumiputera yang bermingat untuk ditempatkan/ditugaskan secara pinjaman di syarikat-syarikat penerbangan lain.

3. Baru-baru ini, iaitu pada 2 Mac 2012, Kesatuan Pekerja MAS telah menandatangani *Collective Agreement*, yang mana antara kandungan persetujuan yang telah dicapai adalah pelarasan gaji 5%, peningkatan had gaji maksimum 5%, peningkatan umur persaraan kepada 60 tahun dan pelaksanaan inisiatif produktiviti. Selain itu, kakitangan MAS juga akan

mendapat kenaikan gaji mulai April 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB
LISAN**
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]**

RUJUKAN 4610

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes jenayah yang berkaitan dengan kelakuan sumbang mahram dari tahun 2000 ke 2012:-

(a) kes yang disiasat; dan

(b) kes yang didakwa di mahkamah dan hukuman yang dijatuhkan.

Senaraikan angka tersebut di atas berdasarkan pecahan kaum, umur dan jantina mangsa.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bakri yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik bagi jenayah kelakuan

~~JAWAPAN~~ mahram mula disimpan mulai tahun 2005. Sejak tahun 2005 hingga Januari 2012, terdapat sebanyak 2,511 kes berkaitan kelakuan sumbang mahram telah dilaporkan dan semua kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 376B Kanun Keseksaan.

Bagi tempoh yang sama, daripada 2,511 kes yang telah dilaporkan sebanyak 463 kes telah didakwa di Mahkamah dan sebanyak 182 daripadanya telahpun dijatuhkan hukuman. Walau bagaimanapun pihak PDRM tidak menyimpan maklumat terperinci berhubung jenis hukuman yang dikenakan dan pecahan jumlah kes mengikut kaum, umur dan jantina mangsa.

**NO. SOALAN: 350/
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
SOALAN**

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membina satu bangunan di atas ruang letak kereta di kawasan Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar supaya unit-unit kepakaran yang berlainan boleh ditumpukan di satu tempat.

Tuan Yang di-Pertua

Dalam usaha Kerajaan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat, Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar juga termasuk di dalam agenda ini. Bagi tempoh *Rolling Plan* Kedua RMKe-10, Kementerian Kesihatan bercadang untuk membina bangunan baru Kompleks Rawatan Pesakit Harian di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, namun disebabkan kekangan peruntukan maka cadangan ini belum dapat diluluskan. Cadangan ini akan dipohon sekali lagi di dalam *Rolling Plan* yang akan datang. Beberapa perkara perlu dibincang dan diperhalusi dalam merancang pembinaan bangunan

baru sebagai kompleks berpusat selaras dengan keperluan semasa. Ia merangkumi Klinik-klinik Pakar, Jabatan Kecemasan, Dewan Bedah, Bilik Scope, dan lain-lain di bawah satu bumbung bagi memberikan perkhidmatan pesakit yang terbaik. Sementara menunggu kelulusan bagi cadangan projek ini, Kementerian Kesihatan akan meneruskan usaha menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan sedia ada secara berperingkat bersesuaian dengan kedudukan sumber kewangan yang ada.

PERTANYAAN

JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA

TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

SOALAN

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan kumpulan-kumpulan kebudayaan dan kesenian yang dihantar oleh Kerajaan ke luar negara untuk jalinan hubungan antarabangsa. Senaraikan kumpulan-kumpulan kebudayaan yang terlibat berdasarkan pecahan destinasi dan kos yang terlibat dari tahun 2008 hingga 2012.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Dalam hampir kebanyakan program yang melibatkan kebudayaan dan kesenian di luar negara, Kementerian ini telah menghantar

NO. SOALAN:336

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Kumpulan Artistana Istana Budaya. Ia terutamanya dalam menyokong program- program pelancongan Malaysia di luar negara. Kebanyakan program adalah anjuran Tourism Malaysia dengan kos adalah di bawah tanggungan pihak pengajur.

Sepanjang tahun 2008 hingga Februari 2012, kumpulan ini telah mewakili negara sebanyak 25 kali di pelbagai negara seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Cambodia, China, Sepanyol, Kepulauan

Mauritius, Oman, Iran, Emiriah Arab Bersatu, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

NO. SOALAN : 352,

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAA
N DARI PADA

BERTULIS
TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan jumlah syarikat jualan langsung yang disiasat dan didakwa ke mahkamah. Senaraikan syarikat-syarikat yang dihukum kerana kesalahan dan hukuman yang diberi kerana kesalahan tersebut dari tahun 2005 ke 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah syarikat jualan langsung yang disiasat dari tahun 2005 hingga Februari 2012 adalah sebanyak 156 syarikat. Sepanjang tempoh berkenaan sebanyak 11 syarikat telah didakwa di mahkamah dengan jumlah denda keseluruhan bernilai RM842,050.00. Manakala 30 syarikat lagi turut dikenakan kompaun dengan jumlah keseluruhan bernilai RM820,700.00.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARI PADA**

**BUKAN LISAN
YB ER TECK HWA NO. SOALAN : 353**

SOALAN:

YB Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah siasatan kes kakitangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang terlibat dalam kes jenayah. Berapa kes yang disiasat dan didakwa di mahkamah dan berapakah bilangan pegawai digantung tugas/letak jawatan/dipecat kerana kes yang terlibat dari tahun 2002 ke 2012 berdasarkan pecahan negeri dan tahunan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah terkumpul pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP) yang telah didakwa di mahkamah bagi tahun 2002 hingga 2010 adalah seramai lapan ratus lima puluh empat (854) orang pegawai. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

JUMLAH DAKWAH PEGAWAI PAP DI MAHKAMAH BERSAMA			
WITI			
2002	81	43	0
2003	59	30	0
2004	94	38	0
2005	94	36	0
2006	88	35	0
2007	43	10	0
2008	76	30	0
2009	90	48	0
2010	229	108	2
JUMLAH	854	378	2

Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri (PAN) pula, seramai dua ratus tiga puluh satu (231) orang pegawai telah disabitkan/dibawakan ke mahkamah. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

81111181^

SISBII

2002	69	8	0
2003	24	16	0
2004	17	6	0
2005	15	3	0
2006	33	16	0
2007	15	6	0
2008	20	2	0
2009	11	4	0
2010	27	8	0
JUMLAH	231	69	0

Sekian, terima kasih

LAMPIRAN A

**STATISTIK JUMLAH KES SI AS AT AN PEGAWAI PERKHIDMATAN
AWAM NEGERI YANG TERLIBAT DALAM KES JENAYAH**

TAHUN	AGENS NEGERI	KES-KES PERKHIDMATAN	JUMLAH BOANG KERJA	JUMLAH JAWATAN

2002	JOHOR	3	2	0
	NEGERI SEMBILAN	3	0	0
	SABAH	26	0	0
	PERAK	2	0	0
	SARAWAK	15	1	0
	PAHANG	4	0	0
	TERENGGANU	12	3	0
	KELANTAN	1	1	0
	MELAKA	3	1	0
2003	JOHOR	5	5	0
	PERAK	4	0	0
	SARAWAK	3	1	0
	PAHANG	6	4	0
	TERENGGANU	6	6	0
	WMSMMMSMM			WHMDe*
2004	JOHOR	3	0	0
	KEDAH	3	1	0
	SELANGOR	1	0	0
	NEGERI SEMBILAN	8	4	0
	SABAH	1	1	0
	PERAK	1	0	0
	P JUMLAH	17	IBM	0
2005	JOHOR	1	1	0
	SABAH	6	0	0
	SARAWAK	2	0	0
	PAHANG	2	1	0
	PULAU PINANG	1	0	0
	PERLIS	1	1	0
	KELANTAN	2	0	0
	JUMLAH	15	3	0
2006	JOHOR	7	2	0
	SELANGOR	1	0	0
	NEGERI SEMBILAN	10	9	0
	SABAH	1	0	0
	PAHANG	4	3	0
	PULAU PINANG	1	0	0
	TERENGGANU	2	0	0
	PERLIS	1	0	0
	KELANTAN	1	0	0
	SARAWAK	5	2	0
	JUMLAH	33	16	0

SIs®fl®Mii:il3:® liiiiiiiMiaH

HillHill

Senarai

2007	PERAK	4	0	0
	SARAWAK	5	0	0
	TERENGGANU	2	2	0
	PAHANG	2	2	0
	NEGERI SEMBILAN	1	1	0
	SELANGOR	1	1	0
	JUMLAH	15	6	0
2008	PAHANG	3	1	0
	SARAWAK	2	1	0
	KELANTAN	2	0	0
	SELANGOR	2	0	0
	PULAU PINANG	1	0	0
	JOHOR	2	0	0
	KEDAH	1	0	0
	PERAK	3	0	0
	SABAH	4	0	0
2009	JUMLAH	20		0
	SABAH	3	2	0
	TERENGGANU	3	1	0
	SARAWAK	2	1	0
	PULAU PINANG	1	0	0
	JOHOR	2	0	0
2010	JUMLAH			0
	JOHOR	5	2	0
	SABAH	4	4	0
	KELANTAN	2	2	0
	MELAKA	1	0	0
	PAHANG	7	0	0
	PULAU PINANG	1	0	0
	SARAWAK	5	0	0
	PERAK	2	0	0
	JUMLAH	27		
	JUMLAH	231	69	0
	KESELURUHAN			

i/O SoftiArf ■ 354/ NQ AUM : 359

-NeAW:-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF

[BALIK PULAU]

JAWAPAN :
TARIKH :

RUJUKAN 4612

SOALAN :

Tuan Mohd Yusmadl bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah tangkapan penagih dadah mengikut jenis-jenisnya dan pecahan kaum di Parlimen Balik Pulau serta jumlah yang diperuntukkan untuk mengatasi permasalahan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan Parlimen Balik Pulau adalah di bawah pengurusan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang menempatkan dua (2) buah *Cure&Care Service Centre* (CCSC) iaitu CCSC Balik Pulau dan CCSC Teluk Bahang.

Jumlah tangkapan pesalah dadah yang disahkan sebagai penagih di kawasan Parlimen Balik Pulau berdasarkan sumber maklumat daripada sistem data AADK bagi tahun 2010 adalah seramai 187 orang manakala

seramai 82 orang pada tahun 2011.

Bagi tahun 2010, statistik tangkapan penagih mengikut jenis dadah yang digunakan ialah 93 orang (50%) mengambil syabu, 59 orang (32%) mengambil morfin, 28 orang (15%) menagih heroin dan 7 orang (4%) mengambil ganja.

Bagi tahun 2011, pengambilan morfin adalah yang tertinggi dengan 56 orang (68%) diikuti oleh 13 orang (16%) penagih heroin, 11 orang (13%) menagih ganja dan hanya 2 orang (2%) pengguna syabu.

Bagi tahun 2010, statistik tangkapan penagih mengikut pecahan kaum ialah 176 orang (94%) Melayu, 7 orang (4%) India dan 4 orang (2%) daripada lain-lain kaum. Untuk makluman, tiada penagih kaum Cina dikesan pada tahun tersebut.

Manakala bagi tahun 2011, seramai 68 orang (83%) adalah Melayu, 8 orang (10%) kaum Cina, 6 orang (7%) kaum India telah dikesan menagih di kawasan tersebut.

Bagi mengatasi permasalahan dadah tersebut, AADK telah melaksanakan pelbagai Program Pencegahan dan Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan di seluruh Pulau Pinang. Bagi kawasan Parlimen Balik Pulau, jumlah perbelanjaan Program Pencegahan adalah sebanyak RM57,200.00 manakala perbelanjaan Program

JAWAPAN :

Rawatan, Perubatan dan Pemulihan adalah sebanyak RM22,820.00 bagi tempoh dua (2) tahun dari 2010 dan 2011.

SOALAN NO.

355 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
[BALIK PULAU]

SOALAN

Tuan Mohd Yusmadi Bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah milikan tanah oleh PERDA dan JKP di kawasan Parlimen Balik Pulau yang belum dibangunkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah tanah yang dimiliki oleh PERDA dan JKP di kawasan Parlimen Balik Pulau, adalah sebanyak 547.353 ekar, iaitu 456.521 ekar tanah milik PERDA dan bakinya berjumlah 90.832 ekar tanah adalah milik JKP. Sehingga kini, PERDA dan JKP telah membangunkan tanah seluas 536.102 ekar bagi projek-projek perumahan dan komersil, penyediaan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan asas yang lain untuk kesejahteraan penduduk di kawasan terlibat. Terkini, tinggal kira-kira 11.2

SOALAN NO: 356

/

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

ekar tanah di kawasan tersebut yang masih belum dibangunkan.

PERTANYAAN

JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA

**TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF [BALIK PULAU]**

SOALAN

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah tindakan dan cadangan Kerajaan untuk menyelamatkan kampung-kampung warisan di Malaysia.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Secara dasarnya, pihak Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara sentiasa berusaha menyelamatkan khazanah warisan negara termasuklah tapak-tapak warisan yang merangkumi kawasan atau bangunan warisan asalkan memenuhi kriteria sepertimana dinyatakan pada seksyen 67(2) Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Usaha ini adalah merupakan usaha berterusan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Sehingga kini, antara usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi menyelamatkan kampung-kampung warisan termasuk menjalankan

SOALAN NO: 356

/

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

kerja-kerja inventori; membuat penyelidikan dan pendokumentasian, melaksanakan kerja-kerja konservasi dan lain-lain.

SOALAN NO: 356

Bagi tujuan penyelamatan, kampung-kampung tersebut boleh dicadangkan untuk diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang mana borang pencalonan boleh diperolehi melalui laman sesawang www.heritage.gov.my. Namun begitu sebelum dilaksanakan, penyelidikan akan dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan ia benar-benar memenuhi kriteria-kriteria seperti yang telah ditetapkan. Di samping itu, harus diketahui bahawa setiap pewartaan memerlukan tempoh masa yang panjang iaitu sekitar enam (6) bulan hingga setahun serta tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri di mana ia terletak.

SOALAN NO: 357

y

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

**TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF [BALIK PULAU]**

SOALAN

**TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU]
minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN
KEBUDAYAAN**

apakah pendirian Kerajaan terhadap Akta Kebebasan Maklumat yang digubal oleh Kerajaan Negeri Selangor dan adakah ianya akan dicadangkan untuk dijadikan contoh oleh Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat, **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Kementerian tidak berhasrat untuk menggubal satu perundangan yang berkaitan dengan kebebasan maklumat seperti Akta Kebebasan Maklumat yang telah digubal oleh Kerajaan Negeri Selangor kerana berpendapat bahawa undang-undang sedia ada seperti Akta Keterangan 1950 dan *Whistle Blower Protection Act 2010* adalah masih lagi relevan dan mencukupi bagi keperluan negara.

KPKK hanya memfokuskan kepada kebebasan pengaliran maklumat (*free flow of information*) menggunakan saluran media baru seperti internet sebagai landasan untuk penyaluran dan perkongsian maklumat di kalangan orang ramai melalui peningkatan persekitaran dan keupayaan rangkaian komunikasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA	YB ER TECK HWA

SOALAN:

YB Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah siasatan kes kakitangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang terlibat dalam kes jenayah. Berapa kes yang disiasat dan didakwa di mahkamah dan berapakah bilangan pegawai digantung tugas/letak jawatan/dipecat kerana kes yang terlibat dari tahun 2002 ke 2012 berdasarkan pecahan negeri dan tahunan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah terkumpul pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP) yang telah didakwa di mahkamah bagi tahun 2002 hingga 2010 adalah seramai lapan ratus lima puluh empat (854) orang pegawai. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	KES-KES MAHKAMAH	JUMLAH BUANG KERJA	JUMLAH LETAK JAWATAN
2002	81	43	0
2003	59	30	0
2004	94	38	0
2005	94	36	0
2006	88	35	0
2007	43	10	0
2008	76	30	0
2009	90	48	0
2010	229	108	2
JUMLA	854	378	2

Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri (PAN) pula, seramai dua ratus tiga puluh satu (231) orang pegawai telah disabitkan/dibawakan ke mahkamah. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	KES-KES MAHKAMAH	JUMLAH BUANG KERJA	JUMLAH LETAK JAWATAN
2002	69	8	0
2003	24	16	0
2004	17	6	0
2005	15	3	0
2006	33	16	0
2007	15	6	0
2008	20	2	0
2009	11	4	0
2010	27	8	0
JUMLA	231	69	0

Sekian, terima kasih

LAMPIRAN A

**STATISTIK JUMLAH KES SIASATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI YANG TERLIBAT DALAM KES JENAYAH**

TAHUN	AGENSI NEGERI	KES-KES MAHKAMAH	JUMLAH BUANG KERJA	JUMLAH LETAK JAWATAN
2002	JOHOR	3	2	0
	NEGERI SEMBILAN	3	0	0
	SABAH	26	0	0
	PERAK	2	0	0
	SARAWAK	15	1	0
	PAHANG	4	0	0
	TERENGGANU	12	3	0
	KELANTAN	1	1	0
	MELAKA	3	1	0
	JUMLAH			0
2003	JOHOR	5	5	0
	PERAK	4	0	0
	SARAWAK	3	1	0
	PAHANG	6	4	0
	TERENGGANU	6	6	0
			16	Hi o am
2004	JOHOR	3	0	0
	KEDAH	3	1	0
	SELANGOR	1	0	0
	NEGERI SEMBILAN	8	4	0
	SABAH	1	1	0
	PERAK	1	0	0
2005	JUMLAH			
	JOHOR	1	1	0
	SABAH	6	0	0
	SARAWAK	2	0	0
	PAHANG	2	1	0
	PULAU PINANG	1	0	0
	PERLIS	1	1	0
	KELANTAN	2	0	0
2006	JUMLAH	15	3	0
	JOHOR	7	2	0
	SELANGOR	1	0	0
	NEGERI SEMBILAN	10	9	0
	SABAH	1	0	0
	PAHANG	4	3	0
	PULAU PINANG	1	0	0
	TERENGGANU	2	0	0
	PERLIS	1	0	0
	KELANTAN	1	0	0
	SARAWAK	5	2	0
	JUMLAH	33	IV	0

TAHUN	AGENSI NEGERI	KES-KES MAHKAMAH	JUMLAH BUANG KERJA	JUMLAH LETAK JAWATAN
2007	PERAK	4	0	0
	SARAWAK	5	0	0
	TERENGGANU	2	2	0
	PAHANG	2	2	0
	NEGERI SEMBILAN	1	1	0
	SELANGOR	1	1	0
	JUMLAH	15	6	0
2008	PAHANG	3	1	0
	SARAWAK	2	1	0
	KELANTAN	2	0	0
	SELANGOR	2	0	0
	PULAU PINANG	1	0	0
	JOHOR	2	0	0
	KEDAH	1	0	0
	PERAK	3	0	0
	SABAH	4	0	0
	JUMLAH	20 -	2	• O V. ■
2009	SABAH	3	2	0
	TERENGGANU	3	1	0
	SARAWAK	2	1	0
	PULAU PINANG	1	0	0
	JOHOR	2	0	0
	JUMLAH	11	4	0.
2010	JOHOR	5	2	0
	SABAH	4	4	0
	KELANTAN	2	2	0
	MELAKA	1	0	0
	PAHANG	7	0	0
	PULAU PINANG	1	0	0
	SARAWAK	5	0	0
	PERAK	2	0	0
	JUMLAH	27	8	■■■to"-::"
	JUMLAH KESELURUHAN	231	69	0

y6 - y>°
y

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN

Bertulis

DARIPADA

Tuan William Leong Jee Keen

NO. SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan butir-butir Perjanjian Perdagangan Bebas antara Malaysia dan Australia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia dan Australia telah memulakan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Agreement* (FTA), dengan izin, pada Mei 2005. Rundingan FTA Malaysia-Australia ini telah ditangguhkan sementara pada Julai 2006 bagi membolehkan pegawai kerajaan kedua-dua pihak memberi perhatian sepenuhnya bagi memuktamadkan rundingan FTA peringkat serantau iaitu ASEAN-Australia-New Zealand. Rundingan FTA Malaysia-Australia telah disambung semula pada Ogos 2009.

Sehingga kini, sebanyak 11 pusingan rundingan telah diadakan dan pusingan terkini telah diadakan dari 20 hingga 31 Januari 2012 di

|

Kuala Lumpur. Rundingan FTA Malaysia- Australia ini masih berjalan dan dijangka dapat dimuktamad dan ditandatangani pada pertengahan 2012.

Tuan Yang Di Pertua,

Skop rundingan Malays ia-Australia FTA adalah komprehensif yang meliputi Perdagangan Barang, Perdagangan Perkhidmatan, Pelaburan, Perolehan Kerajaan, Hak Harta Intelek, Dasar Persaingan,

Buruh, Alam Sekitar, Perdagangan Elektronik, Perundangan serta Kerjasama Ekonomi dan Teknikal. Seperti dalam rundingan FTA yang lain, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa kepentingan negara terpelihara dengan ~~menyadarkan sesi komuniti yang berterusan dan~~
~~DEWAN RAKYAT STAKHOLDERS~~ dengan izin, yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, pihak industri serta badan bukan kerajaan sebelum FTA ditandatangani.

BERTULIS

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

PERTANYAAN

SELAYANG

DARIPADA

NO. SOALAN : 2&5

KAWASAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan butir-butir pelaburan asing dan domestik pada tahun 2011 mengikut negeri-negeri.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua

Pada tahun 2011, Malaysia telah menarik jumlah pelaburan sebanyak RM148.6 bilion di dalam sektor ekonomi meliputi sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Pelaburan

ini adalah di dalam 4,964 projek dan akan meyumbang sebanyak 149,496 peluang pekerjaan.

Dari jumlah pelaburan yang diluluskan, RM82.3 bilion atau 55.4 peratus adalah pelaburan domestik manakala RM66.3 bilion atau 44.6 peratus adalah pelaburan asing.

Butir-butir pelaburan asing dan domestik mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Sarawak	7,529	6,822	14,351
P.Pinang	6,707	7,332	14,038
Sabah	7,435	6,247	13,682
Selangor	7,523	5,942	13,465
Johor	6,978	5,659	12,637
Perak	1,160	8,778	9,939
N.Sembilan	2,232	4,952	7,184
Kedah	244	6,159	6,403
Melaka	2,004	2,821	4,825

Pahang	2,198	1,017	3,215
W.P.Kuala Lumpur	2,347	623	2,970
Terengganu	318	1,087	1,405
Kelantan	345	100	444
W.P.Labuan	25	82	107
Perlis	31	3	34
Jumlah	47,075	57,624	104,699

Perangkaan mengikut negeri tidak termasuk pelaburan di dalam subsektor utiliti, telekomunikasi dan lain-lain projek yang merentasi pelbagai lokasi di mana pelaburan tidak boleh diagihkan mengikut negeri.

NO SOALAN

r>^1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

/

DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan tentang jualan Proton ke DRB-Hicom untuk RM 1,291 bilion pada RM 5.50 sesaham apabila nilai buku adalah RM 9.91 sesaham.

DRAF JAWAPAN

Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) telah menggunakan harga saham semasa Proton Holdings Bhd (PROTON) iaitu RM5.50 sesaham ketika melupuskan keseluruhan 42.74 peratus pegangannya dalam syarikat kereta nasional tersebut. Sebagai syarikat tersenarai, harga sebenar PROTON lebih sesuai dinilai berdasarkan harga pasaran saham, memandangkan ia mencerminkan penilaian sebenar syarikat oleh pasaran berdasarkan jangkaan nilainya pada masa depan.

2. Di samping itu, harga jualan RM5.50 sesaham juga mewakili premium 12.7% dan 26.73% bagi Harga Purata Berwajaran Dagangan (*Volume-weighted Average Price* atau VWAP) masing-masing bagi tempoh 1 bulan dan 3 bulan VWAP saham PROTON sehingga 13 Januari 2012 (hari terakhir dagangan penuh sebelum pengumuman penjualan PROTON dibuat).

NO. SOALAN: 362

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PAD A : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] SOALAN

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada tuntutan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) terhadap Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) meminggirkan usahawan Bumiputera adalah betul dan memberikan butir-butir projek yang diberikan kepada PEMANDU.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Tuntutan bahawa PEMANDU telah meminggirkan usahawan Bumiputera tersebut adalah tidak benar. Antara bukti yang nyata terdapat kerjasama antara pihak PEMANDU dengan TERAJU adalah semasa makmal Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). Antara tujuan Makmal SRI tersebut adalah untuk menghasilkan program pelaksanaan bagi cadangan yang dibuat di dalam Model Ekonomi Baru hasil daripada Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC).

Salah satu daripada enam makmal SRI adalah berkenaan dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera. Makmal tersebut dianjurkan oleh pihak TERAJU dengan kerjasama pihak PEMANDU. Hasil daripada makmal tersebut telah dipaparkan sebagai sebahagian

daripada Halatuju Transformasi Ekonomi Bumiputera yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri tahun lepas pada 26 November.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PAD A TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

SOALAN

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan belia yang telah menjadi muflis dalam 5 tahun lepas dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ.

MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) bagi tempoh lima tahun (2007 hingga Februari 2012), Jabatan ini telah mentadbir sebanyak 83,477 kes kebankrapan. Daripada jumlah tersebut sebanyak **17,651** atau 21.14% terdiri daripada belia bankrap yang berusia di bawah 35 tahun.

Beberapa langkah yang telah diambil oleh Mdl semenjak tahun 2010 sehingga kini dalam menangani isu tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) Mdl telah mengadakan sebanyak **248 Outreach & Awareness Program** di seluruh Malaysia bagi mendekati golongan belia dan orang awam melalui hari bertemu pelanggan, taklimat, Klinik Mdl serta program seperti Mdl2U serta program bersama agensi kerajaan, agensi swasta, badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) dan

NO. SOALAN : 363

Institusi pengajian tinggi. Program ini memberi maklumat mengenai kesan-kesan kebankrapan serta cara bagaimana seseorang bankrap boleh keluar daripada kebankrapannya;

- (b) sebanyak **92 kenyataan Akhbar** serta liputan mengenai hal ehwal kebankrapan dari segi pentadbiran dan penguatkuasaan telah dikeluarkan melalui akhbar-akhbar tempatan oleh Mdl;
- (c) selain itu Mdl juga telah bekerjasama dengan pihak media elektronik yang mana sebanyak 48 slot rancangan mengenai kebankrapan dan tanggung jawab penjamin telah ke udara melalui siaran televisyen dan juga stesen radio;
- (d) **88 consultative forum** dan rundingan kerjasama bersama agensi kerajaan yang lain, badan-badan korporat dan Majlis Peguam untuk melancarkan lagi pentadbiran kebankrapan sekaligus membantu bankrap untuk keluar dari status bankrap dengan segera; dan
- (e) bagi memastikan proses pentadbiran insolvensi yang lebih efisyen deraf pembaharuan undang-undang Insolvensi telah diperingkat akhir dalam mewujudkan undang-undang insolvensi yang moden meliputi antara lain *redefining the philosophy of insolvency law*,

threshold kebankrapan, memperketatkan prosedur pengisytiharan kebankrapan dan memperkenalkan alternatif lain selain dari mengisyiharkan seseorang individu yang tidak solven itu menjadi bankrap sekaligus mewujudkan persekitaran untuk menjayakan pertumbuhan ekonomi Negara; dan

(f) tahun ini (2012) Mdl sedang menggiatkan lagi aktiviti dalam memberi pendedahan tentang kebankrapan kepada seiuruh rakyat Malaysia yang antara lain dengan meneruskan kerjasama dan mewujudkan perkongsian pintar bersama Agensi Kaunseling Pengurusan Kewangan (AKPK) dengan mengadakan program kesedaran mengenai kepentingan pengurusan kewangan yang berhemah dan kesan-kesannya sekiranya diisyiharkan bankrap. Mdl juga sedang bekerjasama dengan Filem Negara Malaysia untuk menghasilkan drama pendek tentang kebankrapan untuk diiklankan di televisyen bagi tujuan meningkatkan lagi pengetahuan orang ramai tentang kebankrapan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR**
 [JERAI]

RUJUKAN **4613**

NO.SOALAN: 364

SOALAN :

Tuan Mohd Firdaus Bin Jaafar [Jerai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah anggota polis di seluruh negeri Kedah mengikut daerah dan nisbahnya dengan orang awam serta nyatakan indeks jenayah bagi setiap daerah yang dicatatkan bagi tempoh 2008 - 2011.

JAWAPAN :

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jerai yang mengemukakan pertanyaan.

Jumlah kekuatan anggota polis bagi seluruh Negeri Kedah dan nisbahnya dengan orang awam sehingga 2011 ialah:-

BI L	KONTINJEN	KEKUATANjPDRM	PENDUDUK	
1	ALOR STAR	1,785	423,400	237
2	KUALA MUDA	772	460,355	596
3	KUBANG PASU	404	216,439	536
4	KULIM	501	281,260	561
5	BALING	320	159,800	499
6	LANGKAWI	336	103,075	307
7	PENDANG	180	72,490	403
8	YAN	181	79,057	437
9	PADANG TERAP	215	72,318	336
10	SIK	172	79,952	465
11	BANDAR BAHARU	224	43,900	196
	KESELURUHAN	5,090	1,992,046	T ≥ 8

Jumlah Indeks Jenayah Mengikut Daerah Negeri Kedah Tahun 2008 hingga 2011

DAERAH TAHUN	BALING	BANDAR BAHARU	KOTA SETAR	KUALA MUDA	KUBAN GPASU	KULIM	LANGKAWI	PADANG TERAP	PENDANG	SIK	YAN	Jumlah
2008	917	167	3,380	3,297	1,359	2,080	682	211	400	310	304	13,107
2009	881	177	3,508	3,300	1,263	2,068	683	190	328	268	263	12,929
2010	668	138	3,095	3,181	1,217	1,908	589	173	308	210	235	11,722
2011	537	104	2,790	2,921	1,154	1,768	562	140	319	178	194	10,667

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

SOALAN NO. 366/

[JERAI]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kementerian berhasrat memberikan peruntukan tambahan bagi penyediaan infrastruktur asas (padang permain, kawasan perhimpunan bertar, tiang bendera dan lain-lain yang berkaitan) kepada SJKT Toh Pawang di Bedong dan jika ada, berapakah jumlah dan bilakah peruntukan itu akan disalurkan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Peruntukan berjumlah RM50ribu di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) 2012 bagi pembinaan dataran di SJKT Tok Pawang telah disenaraikan untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek akan bermula selepas KPM mendapatkan peruntukan daripada Kementerian Kewangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]

TARIKH

13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Mohd Firdaus [Jerai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan senarai kesemua penerima bantuan JKM di Parlimen Jerai (DUN Gurun, DUN Guar Chempedak, DUN Sungai Limau) yang telah diberhentikan bantuan sepanjang tahun 2011 serta berikan alasannya.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memberikan bantuan kebajikan kepada golongan miskin dan kumpulan sasar yang memerlukan supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup. Setiap permohonan yang diterima akan disiasat dan dinilai sebelum

SOALAN NO. 368/

sesuatu bantuan dapat diluluskan.

Bantuan yang diberikan pula adalah berbentuk sementara sahaja. Kaji semula dilakukan setiap tahun untuk menentukan kelayakan selanjutnya. Sekiranya masih diperlukan bantuan, bantuan akan dilanjutkan untuk tempoh waktu tertentu. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes yang ditamatkan bantuan disebabkan perkara-perkara berikut:

- i. Peningkatan tahap sosio ekonomi serta mampu berdikari;
- ii. Penerima bantuan meninggal dunia; dan
- iii. Sedang menerima bantuan daripada agensi lain seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Majlis Agama Islam Negeri.

Dalam tahun 2011, sebanyak 456 kes telah ditamatkan di Kawasan Parlimen Jerai iaitu sebanyak 107 kes di DUN Gurun, 137 kes di DUN Guar Chempedak dan 145 kes di DUN Sungai Limau. Penamatan bantuan kerana meninggal dunia ialah sebanyak 118 kes, 61 kes kerana telah mampu berdikari dan 183 kes pula kerana menerima bantuan lain daripada agensi seperti pihak Majlis Agama Islam/Pusat Zakat dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA: Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
(JERAI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap permohonan penduduk di sekitar Pekan Jeniang yang memerlukan sebuah bank untuk urusan perbankan mereka.

JAWAPAN

NO SOALAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua perkhidmatan perbankan ejen di sekitar Pekan Jeniang iaitu Maybank melalui Pejabat Pos Jeniang (beroperasi sejak Mei 2011) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) melalui Kedai Alternatif Wawasan Enterprise yang beralamat di No. 6 Bangunan Arked MARA, 08700 Jeniang, Kedah (beroperasi sejak Februari 2012). Perbankan ejen terdiri daripada perniagaan bukan bank (contohnya pejabat pos, stesen-stesen minyak dan rantaian peruncitan lain) yang dilantik oleh institusi kewangan untuk menyampaikan perkhidmatan kewangan. Antara perkhidmatan perbankan asas yang disediakan oleh perbankan ejen adalah:

- (i) pengambilan deposit;
- (ii) pengendalian pengeluaran wang;
- (iii) pengendalian pindahan dana/ wang;
- (iv) penerimaan pembayaran pinjaman/ pembiayaan; dan

2. Selain itu, terdapat 6 cawangan bank di sekitar mukim Gurun dan Sik yang terletak kira-kira 15 hingga 25 kilometer dari Pekan Jeniang yang menyediakan lain-lain urusan perbankan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
KAWASAN	JERAI

NO. SOALAN : 368

TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARBANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai kilang-kilang dan industri yang melabur di Kedah sejak 2008 hingga 2011 dan senarai (jika ada) kilang-kilang yang memberhentikan operasinya beserta alasannya untuk tempoh yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Pusat telah memberikan peruntukan untuk pembangunan prasarana seperti air, elektrik, jalanraya, lebuhraya, kawasan industri dan sebagainya di seluruh negara. Ini adalah untuk mewujudkan suasana yang kondusif bagi

pelaburan di dalam usaha Kerajaan mempromosikan negara sebagai pusat pelaburan. Kerajaan Pusat sentiasa mempromosikan Negeri Kedah kepada para pelabur luar dan dalam negara bagi mempertingkatkan pembangunan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan di negeri tersebut.

Bagi tempoh tahun 2008 - 2011, di negeri Kedah, sebanyak 177 projek dengan cadangan modal pelaburan sebanyak RM 12,160.06 iuta telah diluluskan. Dari jumlah kelulusan ini, sebanyak 131 projek (74%) telah beroperasi (production) dengan modal pelaburan sebanyak RM 5,811.3 iuta dan 9 projek (5%) di peringkat pelaksanaan (implementation) dengan modal pelaburan sebanyak RM133.8 iuta. Sebanyak 28 projek (16%) berada di peringkat pembelian tapak (site acquired) dan perancangan (planning) manakala baki 9 projek (5%) tidak dilaksanakan. Di antara faktor-faktor projek yang diluluskan tidak dilaksanakan adalah seperti berikut o Penutupan kilang.

- o Projek syarikat tiada permintaan pasaran. o Penurunan pemintaan pasaran. o Masalah kewangan. o Ditangguhkan sementara.

Dari segi pelaburan di negeri Kedah bagi tempoh 2008-2011 mengikut industri, pelaburan daripada industri Elektrik & Elektronik mencatat nilai pelaburan tertinggi sebanyak

RM10,134.8 juta diikuti dengan industri Kimia & Baranqan Kimia dan industri Peraianan Pengangkutan dengan masing-masing nilai pelaburan sebanyak RM439.3 juta dan RM287.7 juta. Senarai pelaburan

di negeri Kedah bagi tempoh 2008-2011 mengikut industri adalah seperti berikut

Bil.	Industri	Jumlah				
		Bilangan Projek	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Pelaburan (RM)
1.	Elektrik & Elektronik	34	11,053	235,314,116	9,899,500,500	10,134,814,616
2.	Kimia & Barang Kimia	19	322	129,540,657	309,741,119	439,281,776
3.	Peraiatan Pengangkutan	21	2,101	128,671,723	159,056,541	287,728,264
4.	Barangan Mineral Bukan Logam	7	488	166,101,200	62,480,400	228,581,600
5.	Barangan Logam Dibentuk	19	988	31,846,776	191,237,512	223,084,288
6.	Peraiatan Saintifik & Pengukuran	9	735	43,106,285	168,671,779	211,778,064
7.	Pengilangan Makanan	7	767	179,823,396	5,012,936	184,836,332
8.	Kayu & Barangan Kayu	10	702	39,734,374	75,587,861	115,322,235
9.	Barangan	13	979	93,182,212	1,539,860	94,722,072

Jumlah						
Bil.	Industri	Bilangan Projek	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Pelaburan (RM)
	Plastik					
10.	Mesin & Peralatan	14	652	60,778,094	7,343,264	68,121,358
11.	Barangan Besi Asas	3	140	51,022,000	9,900,000	60,922,000
12.	Barangan Getah	8	318	27,960,856	6,027,000	33,987,856
13.	Tekstil & Barang Tekstil	3	.697	21,886,000	8,800,000	30,686,000
14.	Kertas, Pencetakan & Penerbitan	5	232	19,168,685	3,648,535	22,817,220
15.	Perabut & Kelengkapan	2	107	7,492,313	6,564,111	14,056,424
16.	Pelbagai	3	183	1,747,577	7,575,584	9,323,161
	Jumlah	177	20,464	1,237,376,263	10,922,687,003	12,160,063,266

**Syarikat-Syarikat Yang Ditutup / Berhenti Beroperasi Di Negeri Kedah
(2008-2011)**

- Penutupan

- o Bagi tempoh 2008-2011, sebanyak 6 buah svarikat telah memberhentikan operasinya di negeri Kedah. Jumlah keseluruhan pekerja yang telah diberhentikan

adalah seramai 703 pekerja. Daripada jumlah tersebut 688
adalah rakyat Malaysia manakala baki 15 adalah warga
asing.

Sebab-sebab pemberhentian operasi bagi tempoh 2008-2011 di Negeri Kedah adalah seperti berikut

- Produk syarikat tiada permintaan pasaran.
- Penurunan pemintaan pasaran.
- Masalah kewangan.
- Penutupan kilang.

SOALAN NO. 369

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD
(PARIT SULONG)**

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Dato' Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong) minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan langkah Kementerian untuk membasmi kemiskinan di bandar yang sering dikaitkan dengan produktiviti ekonomi yang rendah, pendapatan isi rumah yang kurang serta kesukaran mendapatkan akses kemudahan dan peluang menjana pendapatan.

JAWAPAN:

Pihak Kerajaan prihatin akan cabaran yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar. Sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyalurkan sejumlah RM40.54 juta kepada seramai 13,532 orang penerima bantuan kebajikan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selain itu, KPWKM menggunakan pendekatan *Productive Welfare* bagi membolehkan golongan miskin dan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan mereka menerusi aktiviti ekonomi. Dalam hal ini, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Program 1AZAM dilaksanakan di seluruh negara termasuk kawasan bandar. Sebagai contoh, sehingga kini, 2,638 peserta di kawasan Kuala Lumpur telah menyertai Program 1AZAM ini.

Di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) pula, terdapat 9 jenis program yang ditawarkan bagi membantu golongan yang memerlukan. Dalam hal ini, seramai 14,889 orang telah

mendapat manfaat di bawah program-program yang dinyatakan lampiran.

NO. SO ALAN: 370

**DEWAN RAKYAT /
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS
(2012)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah yang bakal diambil berkaitan produk makanan, minuman dan barang keperluan harian yang diiklankan di TV tidak mempamerkan logo halal.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua iklan yang disiarkan di media elektronik dikawal oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri. LPF akan membuat pemeriksaan ke atas semua iklan yang menggunakan logo halal. Setiap iklan bagi produk yang mempamerkan logo halal adalah tertakluk sama ada produk berkenaan mempunyai sijil halal atau tidak.

Sekiranya produk berkenaan tidak mempunyai pensijilan halal Malaysia yang sah, pihak LPF tidak akan membenarkan atau meluluskan tayangan iklan yang menggunakan logo halal Malaysia.

Jika terdapat iklan yang menggunakan selain logo atau ungkapan halal selain logo halal Malaysia tetapi tidak mempunyai pensijilan halal Malaysia yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) , maka ia merupakan satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO* NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) sebab peratusan pelajar mengambil jurusan Sains terus menurun sehingga 29 peratus pada 2012 dan fenomena ini akan memberi masalah mencapai sasaran Pelan Hala Tuju Modal Insan Sains dan Teknologi 2020 yang memerlukan 60 peratus pelajar aliran Sains dan teknologi dan 40 peratus aliran Sastera; dan
- (b) mengapakah sasaran Dasar 60-40 (Sains dan teknologi-Sastera) yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Perancang Pelajaran Tinggi pada 1967 tidak pernah tercapai walaupun hampir lima dekad telah berlalu dan adakah sasaran ini masih lagi relevan.

JAWAPAN

RT 23

(a) dan b)

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan di negara ini, satu Jawatankuasa Mengkaji Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal:Sastera Peringkat KPM telah digerakkan untuk mengkaji secara menyeluruh kurikulum dalam bidang akademik, teknikal dan vokasional serta mencadangkan tindakan yang diambil bagi memastikan dasar 60:40 aliran Sains dan Teknikal:Sastera di peringkat menengah atas mencapai sasaran. Bagi mengatasi kadar

penyertaan murid dalam bidang Sains ini, KPM telah melaksanakan pelbagai usaha dan aktiviti untuk tujuan tersebut, antaranya ialah:

- i. Mempertingkatkan bimbingan kerjaya dalam bidang sains kepada murid;
- ii. Mengadakan lebih banyak program galakan sains di peringkat sekolah;
- iii. Mengadakan Program Pusat Pembelajaran Sains dengan memberi peluang kepada murid yang mendapat gred C dalam Sains dan Matematik untuk mengikuti aliran Sains;
- iv. Menambahbaik kemudahan makmal sains melalui pembekalan peralatan sains; dan
- v. Menekankan konsep pengajaran yang berbentuk kreatif, inovatif dan menyeronokkan dalam bilik darjah khususnya dalam KSSR

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, KPM turut mewujudkan kerjasama dengan beberapa syarikat swasta seperti syarikat multinasional dan Syarikat Berkaitan Kerajaan(GLC). Contohnya melalui kerjasama dengan Akademi Sains Malaysia dapat meningkatkan minat murid terhadap Sains melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara *la main a la pate.(hands-on)*; dan mengadakan aktiviti galakan sains seperti Kembara Sains bersama Petrosains Program Pusat Pembelajaran Sains, Program Pertandingan Robotik, Program Kem Kecemerlangan *International Chemistry Olympiad*, Program *F1 Technology Challenge*, Kem River Rangers. Science Action Team, Hari Air Sedunia dan sebagainya.

No. Soalan :
[372]^ PR-1251-
T48987

PEMBERITAHUAN

JAWAB BUKAN LISAN

DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

PERTANYAAN

[372]

DARIPADA

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah kesan laporan Wall
Street Journal mengenai Ketua
Pembangkang yang menyokong sebarang
usaha melindungi Israel kepada
masyarakat terutamanya generasi muda
yang masih dalam proses menimba
pengalaman hidup.

NO. SOALAN

SOALAN

PERTANYAAN

BAGI

JAWAB

BUKAN

LISAN

DEWAN

RAKYAT

JAWAPAN:

Kenyataan Ketua Pembangkang mengenai sokongannya terhadap mengutamakan keselamatan Israel dalam Wall Street Journal baru-baru ini merupakan satu kenyataan yang sangat menyedihkan dan memalukan yang harus dikutuk oleh seluruh rakyat Malaysia. Kenyataan tersebut juga telah secara langsung menjelaskan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang telah selama ini memberikan pelbagai sokongan terbuka dalam bidang politik dan ekonomi kepada Palestin.

Kenyataan beliau jelas bertentangan dengan Dasar Kerajaan Malaysia terhadap Palestin dan boleh disalah tafsir oleh masyarakat Malaysia yang kurang memahami latarbelakang mengenai konflik Palestin-Israel.

Dasar Kerajaan Malaysia selama ini adalah mengutamakan keselamatan Palestin kerana Palestin merupakan pihak yang tertindas dan bukannya Israel. Ini berlainan dengan pendirian Ketua Pembangkang yang mengutamakan keselamatan Israel iaitu pihak yang sememangnya sentiasa menggunakan alasan "*to protect the security of the State of Israel*" untuk menindas dan menakluki Palestin secara haram.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 373

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB

LISAN

DARIPADA DATO' NORAINI BINTI AHMAD (PARIT SULONG)

TARIKH 13 Mac 2012

SOALAN

YB Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan langkah dan inisiatif Kementerian untuk membanteras kegiatan pengemis yang didalangi oleh sindiket yang secara terbuka menipu orang ramai untuk mengaut keuntungan.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat peka dan memandang serius isu pengemis. Bagi menangani isu ini, JKM telah menjalankan

operasi menyelamat pengemis secara berkala di seluruh negara. Pada tahun 2011 sebanyak 1,190 operasi telah dijalankan di mana 1,408 orang pengemis telah diselamatkan. Daripada jumlah tersebut 525 adalah dari operasi berjadual, 85 operasi bersepodu dan 245 adalah operasi secara *ad-hoc*.

Operasi ini dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi penguat kuasa lain seperti Jabatan Imigresen, Polis DiRaja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kesihatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Pendaftaran Negara.

KPWKM menggunakan peruntukan di bawah Akta Orang Papa 1977 (Akta 183) bagi menempatkan pengemis yang telah diselamatkan di Desa Bina Diri (DBD) manakala bagi warga emas yang berumur 60 tahun ke atas, mereka akan diberikan perlindungan di Rumah Seri Kenangan.

Bagi menangani dan membanteras kegiatan pengemis yang didalangi oleh sindiket, Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670) boleh digunakan sekiranya terdapat bukti yang kukuh untuk mendakwa sindiket terbabit.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**BUKAN JAWAB LISAN TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
NCL-379**

PERTANYAAN

DARIPADA

SOALAN

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah dan perincian warganegara Malaysia yang disenarai hitam untuk ke luar negara akibat daripada masalah pembayaran PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2012 seramai 132,801 peminjam ingkar telah dikenakan tindakan senarai hitam pengeluaran passport daripada pihak Imegresen. Daripada jumlah tersebut seramai 106,156 peminjam berketurunan Melayu, 7,913 (Cina), 7,327 (India), dan 11,405 (lain-lain keturunan).

NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan dan jumlah mereka yang berjaya memperolehi Skim Saraan Rakyat IMalaysia sehingga Januari 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,
Skim Amanah Rakyat IMalaysia (SARA) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 Januari 2012 dan mula dibuka kepada orang awam untuk langganan pada 30 Januari 2012 yang lalu. Skim ini diwujudkan oleh Kerajaan Malaysia bertujuan untuk menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan rendah menabung dan melabur di samping untuk membantu mereka menangani kesan kenaikan kos sara hidup semasa.

Sehingga 21 Mac 2012, jumlah isi rumah yang telah memohon skim ini telah melebihi 100,000 orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 62,427 permohonan telah diluluskan dan selebihnya masih dalam proses semakan dan kelulusan.

**NO. SOALAN : 376/
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**
DARIPADA **TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI**

 [GOMBAK]

RUJUKAN **4615**

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan dan kelulusan program pemutihan mengikut negeri.
JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Gombak di atas soalan yang dikemukakan.

Seperti yang telah sedia dimaklumi, pihak Kerajaan sedang melaksanakan Proses Pemutihan yang mana ianya merupakan fasa penting dalam Program Penyelesaian Menyeluruh Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Tujuan Proses Pemutihan ialah untuk

membolehkan PATI yang telah berdaftar untuk bekerja dalam sektor-sektor ekonomi yang dibenarkan.

Sebagai makluman Yang Berhormat, Proses Pemutihan dijalankan di Pusat-Pusat Pemutihan yang beroperasi mengikut zon dan tidak mengikut negeri. Oleh yang demikian, jumlah permohonan dan kelulusan pemutihan mengikut negeri tidak dapat dikemukakan. Bagaimanapun, sehingga 6 April 2012, sebanyak 74,544 majikan telah memohon melalui Proses Pemutihan melibatkan seramai 386,848 PATI bagi Semenanjung Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

SOALAN

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah lesen dan permit teksi yang telah dikeluarkan secara konsesi serta senarai syarikat penerima konsesi serta lembaga pengarah masing-masing.

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA

SOALAN N0.90

MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Lesen dan permit teksi yang telah dikeluarkan secara konsesi adalah sebanyak satu (1) sahaja iaitu Airport Limo Sdn. Bhd yang berpengkalan dan berkhidmat di KLIA.

Senarai lembaga pengarah bagi syarikat ini adalah seperti berikut:

- a. Dato' Abdul Latiff Bin S. Mirasa
- b. Wong Wen Mi In (Wakil Kementerian Kewangan)
- c. Mohd Faisal Izan bin Abdul Latiff
- d. Mohd Asyaharim bin Abdul Latiff
- e. Syed Amir Nidzamuddin Bin Syed Abu Hussin

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah mengikut komposisi kaum dan jantina bagi Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang bertugas sebagai guru di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelantikan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) adalah untuk mengisi kekosongan jawatan sementara guru tetap yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Selaras dengan pengumuman YAB Menteri Pelajaran, KPM tidak akan melantik GSTT di sekolah-sekolah KPM mulai tahun 2012. Sebagai langkah penyelesaian sementara bagi mengisi kekosongan jawatan pada awal sesi persekolahan, KPM telah membenarkan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) melantik Guru Interim di mana perlantikan guru tersebut dilaksanakan mulai 3 Januari 2012. Bilangan kuota pelantikan dan pelanjutan guru interim di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia pada April 2012 adalah seperti berikut:

BIL	JABAJAN PELAJARAN NEGERI	MENENGAH	SENI	SJKC	SJKT
1	JOHOR	552	20	480	28
2	KEDAH	88		45	
3	KELANTAN	75		14	1
4	MELAKA	95		44	1
5	NEGERI SEMBILAN	145		137	
6	PAHANG	37		130	24
7	PERAK	254		197	46
8	PERLIS	27		7	
9	PP WP PUTRAJAYA				
10	PULAU PINANG			5	
11	SABAH	374		66	
12	SARAWAK	411	23	143	
13	SELANGOR	237		435	7
14	TERENGGANU			9	
15	WP KUALA LUMPUR	99		161	
16	WP LABUAN	3		1	
JUMLAH KESELURUHAN		2,397	43	1,874	107

3^
T 25

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN LIANG TECKMENG
[SIMPANG RENGGAM]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah pensyarah-pensyarah di institut perguruan wajib pulang selepas pukul 5.00 petang sedangkan guru-guru di sekolah boleh pulang selepas sesi sekolah tamat. Pensyarah-pensyarah institut perguruan menerima gaji skim DG seperti guru-guru tetapi mempunyai masa kerja yang berbeza.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Julai 2005 telah meluluskan kenaikan taraf Maktab Perguruan kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) melalui Surat Pekeliling KPM Bil. 3/2006, yang berkuatkuasa pada 1 April 2006. Justeru, semua 27 IPG telah melaksanakan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Perubahan kalender pengajian dan naik taraf IPG sebagai sebuah institusi pengajian tinggi tidak lagi bersesuaian waktu bekerja pensyarah IPG sama seperti waktu sekolah. Sehubungan itu, pada 7 Januari 2009 satu surat edaran telah dikeluarkan dan digunakan sehingga sekarang bagi menetapkan jadual waktu bekerja dan cuti pensyarah di semua IPG seperti berikut:

- a) Pensyarah dikehendaki berada di IPG selama tempoh 8 jam waktu bekerja sehari dan cuti mengikut cuti semester;
- b) Waktu kerja pensyarah dilaksanakan berdasarkan pilihan 2 waktu kerja iaitu:
 - i. WP1: 8 jam berterusan ATAU
 - ii. WP2: 8 jam terkumpul iaitu waktu bekerja fleksi pensyarah - kelonggaran untuk menjadualkan waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut kesesuaian masa mereka.

SOALAN NO. 380/

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA YB TUAN LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGGAM)**

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jenis-jenis bantuan bulanan tetap, bilangan penerimanya mengikut negeri, kaum dan jantina yang dibayar setiap bulan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi satu tahun lepas.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan seperti orang kurang upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak dan mangsa bencana supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna.

Bantuan kewangan bulanan yang disediakan oleh JKM ialah Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Anak Pelihara (BAP), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Tua (BOT), Bantuan Am (BA), Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit KronikTerlantar (BPT) dan Bantuan Latihan Perantis (BLP).

Bagi tahun 2011, seramai 473,928 orang di seluruh negara telah menerima bantuan kebajikan daripada JKM dengan perbelanjaan sebanyak RM1.353 bilion. Sabah merupakan negeri yang mencatatkan bilangan penerima bantuan kebajikan yang tertinggi bagi tahun 2011 iaitu seramai 77,208 orang, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM244.7 juta.

Ini diikuti dengan negeri Johor (45,766 orang dengan peruntukan RM128.3 juta) dan Sarawak (45,445 orang dengan peruntukan RM116.6 juta).

Pecahan penerima bantuan kebajikan pada tahun 2011 mengikut kaum adalah seperti berikut:

- kaum Melayu seramai 252,485 orang dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM711.1 juta;
- kaum Cina (70,713 orang dengan peruntukan RM208 juta);
- peribumi Sabah (65,892 orang dengan peruntukan RM203.6 juta);
- kaum India (52,022 orang dengan peruntukan RM147.6 juta);
- peribumi Sarawak (29,097 orang dengan peruntukan RM72.1 juta);
- lain-lain kaum (2,323 orang dengan peruntukan RM6.4 juta); dan
- peribumi Semenanjung (1,396 orang dengan peruntukan RM3.9 juta).

Berhubung pecahan penerima bantuan kebajikan mengikut jantina,

penerima bantuan dari kalangan perempuan merupakan seramai 264,364 orang atau 56%, manakala penerima lelaki adalah seramai 209,564 orang atau 44%.

32/
SOALAN NO.^

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :BERTULIS
DARIPADA :TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM)
SOALAN :TUAN LIANG TECK MENG minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan syarikat yang telah diberikan kontrak untuk pengeluaran benih padi sah untuk tempoh 2011 dan kuantiti pengeluaran yang ditawarkan. Berapa banyakkah kadar insentif yang diberikan kepada syarikat untuk pengeluaran sekilo benih padi sah.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebanyak 9 syarikat telah dilantik untuk membekalkan benih padi sah ke seluruh Malaysia bagi tahun 2011 yang terdiri daripada syarikat milik kerajaan, agensi kerajaan dan swasta. Insentif benih padi sah kepada pengeluar adalah pada kadar RM1.03 per kilogram. Kuota pengeluaran yang diluluskan kepada setiap syarikat adalah seperti berikut:

Bil.	Syarikat	Kuota (MT)
1	Paddytech Resources Sdn. Bhd.	3,158
2	Kilang Beras Jelapang Selatan (M) Sdn. Bhd.	3,158
3	FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd.	6,316
4	KADA	6,316
5	PPK Lahar Bubu	7,680

6	Bernas Bhd.	9,474
7	Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn. Bhd.	9,474
8	Haji Md Nor bin Hj Abd. Rahman (M) Sdn. Bhd.	12,632
9	Kilang Beras Seri Merbok Sdn. Bhd.	21,792
	Jumlah	80,000

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN SOALAN NO: 380
NEGARA NEGARA

PERTANYAAN **BERTULIS**
DARIPADA Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam)
SOALAN Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) minta

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan jumlah tunggakan bayaran insentif pertanian yang masih belum dibayar kepada petani dan nelayan di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan 2008 - 2010. Bagaimana Kementerian bercadang untuk membantu petani dan nelayan yang terlibat memandangkan kos input pertanian dan kos sara hidup semakin meningkat.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, bayaran Insentif Pengeluaran Makanan di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan tertunggak mulai tahun 2009 hingga 2010. Keseluruhan tunggakan bagi sektor tanaman, ternakan dan akuakultur adalah berjumlah RM502 juta. Bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa memberikan bantuan kepada petani, penternak dan nelayan dalam membantu meringankan bebanan mereka. Antara usaha yang dilakukan adalah melalui:

- i. bantuan insentif Pembangunan Tanah Terbiar yang meliputi pembangunan infrastruktur ladang seperti pembersihan kawasan, jalan ladang, sistem saliran dan sistem pengairan serta insentif amalan teknologi dengan kadar maksimum sebanyak RM20,000/ha;
- ii. insentif Teknologi Amalan Pertanian Baik adalah untuk pembangunan industri buah - buahan, sayuran dan tanaman komoditi berpotensi, bunga - bungaan

- dan industri kopi. Bantuan diberi dalam bentuk benih berkualiti, baja, racun, sistem pengairan, mekanisasi ladang dan pengendalian lepas tuai;
- iii. bantuan dalam bentuk latihan kepada pengusaha industri asas tani dari aspek pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, pemasaran, pembungkusan dan pelabelan serta kursus-kursus teknikal termasuk cara-cara memproses produk dan program kawalan kualiti;
 - iv. subsidi diesel dan petrol kepada nelayan yang menggunakan jentera sangkut;
 - v. insentif Hasil Tangkapan dengan kadar 10 sen diberikan kepada nelayan bagi setiap kilogram ikan yang ditangkap dan diisyiharkan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM);
 - vi. pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan secara tunai berjumlah RM200 sebulan kepada pemegang lesen dan pekerja vesel warganegara Malaysia.;
 - vii. bantuan induk ternakan yang dilaksanakan di bawah Skim Transformasi Usahawan Ternak (TRUST) bagi membantu meningkatkan bilangan ternakan;
 - viii. bantuan tanaman rumput *Napier* bagi makanan ternakan di bawah program *homepiot*,
 - ix. bantuan peralatan mesin memproses rumput, sisa ladang dan lain-lain sisa pertanian;
 - x. khidmat nasihat, bimbingan dan aktiviti permanian beradas (*artificial insemination*) oleh pegawai-pegawai perkhidmatan veterinar serta lawatan pemantauan secara berkala; dan
 - xi. bantuan vaksinasi dan ubat-ubatan bagi tujuan kawalan penyakit ternakan.

Vi o- foATAAJ^ ^E3 -NQ

AUM t-38S^

NO-AWP—:—

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]

TARIKH :

RUJUKAN : 4616

SOALAN :

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan program/strategi yang sedang dan akan diambil untuk meyakinkan rakyat tentang persepsi keselamatan mereka dan persepsi kurang yakin terhadap polis.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) di atas pertanyaan ini.

Kerajaan memandang serius perkara yang berkaitan dengan keselamatan dan kesejahteraan rakyat ini. Berbagai-bagai strategi di perkenalkan dan di laksanakan khususnya di bawah Program Transformasi Kerajaan (Government Transformation Program - GTP). GTP dipandu oleh **prinsip1** Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Di Utamakan.

Dalam melaksanakan GTP Kerajaan telah mengenalpasti 6 bidang yang di kenali sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Area- NKRA). 6 NKRA ini merupakan keutamaan rakyat iaitu jenayah, rasuah, pendidikan, isi rumah berpendapatan rendah, infrastruktur asas luar bandar dan pengangkutan awam bandar.

YB Menteri Dalam Negeri telah di pertanggungjawabkan oleh Kerajaan bagi menangani isu jenayah. Bagi menangani masalah jenayah, Kerajaan telah menu buhkan sebuah makmal bagi membincangkan isu-isu berkaitan di negara ini. Makmal ini diwakili/dianggotai oleh Kementerian-Kementerian, Agensi-Agenzi Kerajaan dan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan-persatuan, individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam masalah jenayah di negara ini. Makmal ini telah mengenalpasti sebanyak lebih 50 inisiatif yang boleh dilaksanakan bagi menangani masalah jenayah di negara ini. Bagi mendapatkan impak yang maksima Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy) telah digunakan di mana beberapa Kementerian/Agenzi Kerajaan bekerjasama di antara satu sama lain untuk melaksanakan sesuatu inisiatif.

Dalam melaksanakan program/strategi, Kerajaan telah mengenalpasti 5 sasaran utama seperti berikut:

- (i) Mengurangkan Jenayah Indeks
 - (ii) Mengurangkan Jenayah Jalanan
 - (iii) Mengurangkan Rasa Takut Rakyat Menjadi Mangsa Jenayah
 - (iv) Meningkatkan 'Charging Rate' di Mahkamah.
 - (v) Meningkatkan Kepuasan Hati Rakyat Terhadap Prestasi Polis
- (i) Mengenalpasti 4 buah negeri yang mempunyai kadar jenayah yang tertinggi di Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.
 - (ii)

Me

Bagi mencapai sasaran-sasaran ini, pelbagai strategi telah dilaksanakan. Di antara strategi atau program yang telah dilaksanakan adalah

- mengetahui kawasan-kawasan atau daerah-daerah di negeri-negeri ini yang mempunyai kadar jenayah yang tertinggi. Kawasan-kawasan ini dikenali sebagai 'Kawasan Panas' atau *HotSpots*.
- (iii) Setelah dikenalpasti *Hot Spots* ini, maka langkah-langkah mengurangkan jenayah telah dilaksanakan secara 'agresif' bagi mencapai impak yang besar.
 - (iv) Di antara inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan adalah
 - a) Melaksanakan Ops Lejang, Rentap, Pintu dan Lusuh bagi mencegah kes-kes curi motosikal, kereta, pecah masuk, mencuri kabel dan perkakas.
 - b) Melaksanakan Program *Feet On Street, Omnipresence, Program Bandar Seiamat Bagi Mengurangkan Jenayah Jalanan*.
 - c) Memperluaskan inisiatif Skim Rondaan Sukarela, menambahkan ahli Rakan Cop bagi mengurangkan rasa takut rakyat menjadi mangsa jenayah.
 - d) Meningkatkan kes tangkapan yang dibawa untuk pendakwaan di mahkamah.
 - e) *Balai League Tables (BLT)*. Inisiatif ini bertujuan untuk menentukan balai polis yang telah mencapai kecemerlangan dalam menurunkan kadar jenayah yang meliputi jenayah indeks dan jenayah jalanan termasuk keupayaan penambahbaikan bagi tempoh penilaian.
 - f) Bagi memudahkan rakyat menghubungi PDRM, kemudahan 'Social Network' seperti 'facebook', 'tweeter' telah disediakan.
 - g) Hari Bertemu Pelanggan telah diperkenalkan di peringkat Ibu Pejabat Polis Negeri dan Daerah bagi memudahkan masyarakat menghubungi PDRM untuk berinteraksi dengan mudah di antara satu sama lain.
 - h) 'High Profile Policing' telah dilaksanakan di mana pegawai-pegawai kanan PDRM akan 'turun ke padang' bersama-sama anggota polis lain untuk bertemu dan beramah mesra dengan masyarakat. Peluang ini boleh diambil oleh masyarakat bagi mengemukakan sebarang masalah yang berkaitan polis.

Semua program/strategi ini diperkenalkan dan dilaksanakan di bawah fasa Gelombang Pertama, Program Mengurangkan Jenayah.

Fasa Gelombang Kedua, lebih ditumpukan kepada semangat kesukarelawanan, telah diaksanakan mulai 23 Disember 2011 dengan pelancaran Program Ops IMalaysia di bawah kendalian KDN, di kawasan Sungai Peiek, Selangor. Sehingga kini, program ini sudah diaksanakan di 11 kawasan. Program ini akan diaksanakan dilebih 70 kawasan

lagi, menjadikan lebih kurang 80 kawasan kesemuanya menjelang 1 April 2012. Di bawah Program Ops IMalaysia ini, semua Jabatan, Bahagian dan Agensi di bawah KDN akan membuat rondaan bersama penduduk di Skim Ronda Sukarela setempat bagi mengawal keselamatan.

Langkah-langkah yang telah diaksanakan ini telah berjaya meningkatkan persepsi rakyat tentang keselamatan dan mengurangkan persepsi kurang yakin terhadap polis. Kenyataan ini berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh TNS Research International yang menunjukkan bahawa kadar jenayah indeks telah berkurangan dari 15% (2010) kepada 11.1% (2011), jenayah jalanan telah berkurangan dari 35%(2010) kepada 39.7%(2011), rasa takut menjadi mangsa jenayah pada kadar 52.8%(2010) kepada 52.9%(2011) dan kepuasan hati rakyat terhadap prestasi polis telah menunjukkan peningkatan yang amat tinggi dari 55.8% (September 2010) kepada 70.5% (Disember 2011). Ini membuktikan bahawa masyarakat sangat yakin terhadap polis dan rasa selamat dengan program/strategi yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTIKAMARUDDIN

(AMPANG)

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah status pencapaian Program Ekonomi Menjana Aspirasi Keluarga (eMAK) dan kesannya dalam memberdayakan wanita khususnya suri rumah.

Program Ekonomi Menjana Aspirasi Keluarga (eMAK) adalah satu program di bawah pengurusan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Yayasan Keusahawanan Sosial. Tujuan program eMAK adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin dan berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan bandar.

Program eMAK tertumpu kepada golongan suri rumah serta ibu tunggal yang produktif dan mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai usahawan yang berupaya menjana pendapatan dari rumah. Program eMAK ini meliputi:

- a) Penyediaan Bengkel Kemahiran;
- b) Kemahiran Pemasaran melalui Portal eMAK : www.emak.com.mv:

JAWAPAN

dan

- c) Penyertaan dalam komuniti jaringan usahawan sosial dalam kerja-kerja pembekalan produk dan perkhidmatan yang dipacu oleh Yayasan Keusahawanan Sosial.

Terdapat lima (5) jenis bengkel kemahiran yang ditawarkan dalam program eMAK iaitu:

- a) eMAK Saji : bengkel kemahiran memasak pelbagai masakan dan lauk pauk ala katering termasuk kemahiran mengoptimalkan kos bagi kerja-kerja membekalkan makanan katering kepada pelanggan;
- b) eMAK Bakeri : Kemahiran membuat pelbagai bakeri seperti kek, *cup cakes* dan kuih-muih dalam Melayu;
- c) eMAK Jahit : Kemahiran menjahit pakaian, *uniform*, langsir dan pelbagai kerlun fabrik hiasan dalaman serta napkin, alas meja, sarung kusyen dan kain keperluan ruang dapur;
- d) eMAK Manik : Kemahiran membuat sulaman manik, reben, dan

hiasan untuk pakaian siap wanita dan pelbagai; dan

- e) eMAK Kraf Bunga Dip : Kemahiran membuat kraf bunga dip yang sangat popular dan mempunyai permintaan tinggi oleh pihak butik

pengantin sebagai barang hiasan hantaran perkahwinan dan produk hiasan dalaman.

Program eMAK mengambil tenaga pengajar yang berpengalaman serta mempunyai kredibiliti profesional dalam melatih para peserta mengikut bidang kemahiran masing-masing. Para usahawan yang telah bermula dari rumah dan berjaya turut sama dilantik untuk menjadi tenaga pengajar untuk sebagai contoh “*success stories*”.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah salah satu agensi “*smart partner*” kepada Yayasan Keusahawanan Sosial dalam menjalankan program eMAK ini. Pada tahun 2011, sebanyak RM600,000.00 telah disalurkan kepada Yayasan Keusahawanan Sosial untuk menjalankan program eMAK dan sehingga penghujung bulan Mac 2011, seramai 601 peserta telah berjaya mengikuti program berkenaan. Majoriti para peserta adalah suri rumah dan bermastautin di kawasan Lembah Klang. Secara keseluruhan, para peserta program Emak berupaya menjana pendapatan bulanan antara kadar RM200 hingga RM2,000.

SOALAN NO. 385/

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
(AMPANG)**

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (Ampang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada program-program sedia ada menambah keyakinan OKU dan boleh meyakinkan mereka untuk menyertai pasaran buruh.

JAWAPAN:

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan golongan orang kurang upaya (OKU) menikmati kesejahteraan hidup dan kesaksamaan hak dan peluang, sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan termasuk menyertai pasaran pekerjaan.

Dalam hal ini, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil beberapa inisiatif bagi meningkatkan penyertaan golongan OKU dalam pasaran pekerjaan.

Usaha ini secara tidak langsung dapat menambah keyakinan golongan OKU untuk hidup berdikari dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara. Antara program yang telah dilaksanakan oleh JKM bagi meningkatkan keyakinan golongan OKU untuk menyertai pasaran pekerjaan ialah:

(i) Bengkel Persiapan Kerjaya;

JKM telah menganjurkan sebanyak 2 siri bengkel persiapan kerjaya pada bulan Mac dan Jun 2011 yang bertujuan untuk mempersiapkan mahasiswa OKU untuk memasuki alam pekerjaan. Seramai 49 orang mahasiswa OKU dari institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Politeknik Shah Alam telah menyertai bengkel ini.

(ii) *Job Coach*;

Perkhidmatan *Job Coach* mula diperkenalkan pada tahun 2005 melalui kerjasama pintar antara JKM dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA). Ia bertujuan untuk mewujudkan hubungan antara pekerja OKU, majikan serta rakan sekerja supaya OKU dapat kekal dalam pekerjaannya. Hasil daripada sokongan yang diberikan oleh *Job Coach*, seramai 150 OKU telah diambil bekerja di GCH Retails (M) Sdn. Bhd., 60 orang di Syarikat Carrefour dan 35 orang di Syarikat Mydin Holdings.

(iii) Program Advokasi Diri;

Program advokasi diri pula merupakan program kerjasama pintar antara JKM dan JICA sejak tahun 2005. Program ini diaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan dan keyakinan diri OKU khususnya OKU masalah pembelajaran untuk tampil lebih berani menyuarakan pendapat mereka dan terlibat dalam proses membuat keputusan. Program ini telah melibatkan seramai 480 OKU di pusat pemulihan dalam komuniti (PDK) di 4 zon seperti berikut:

- Zon Tengah (Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan);
- Zon Selatan (Melaka dan Johor);
- Zon Utara (Kedah, Perlis, Perak dan Pulau Pinang); dan
- Zon Timur (Terengganu, Kelantan dan Pahang).

(iv) Independent Living (IL);

Konsep IL juga diperkenalkan oleh JICA dan merupakan satu konsep yang memberi penekanan terhadap kebebasan OKU dalam membuat keputusan, menentukan hala tuju atau matlamat hidup dan mempunyai tanggungjawab sepenuhnya ke atas diri sendiri dalam

pelbagai aspek kehidupan tanpa dipengaruhi oleh orang lain. IL banyak digunakan oleh OKU yang mempunyai ketidakupayaan yang teruk (*high severity*) di mana mereka sering dipinggirkan daripada menerima perkhidmatan ataupun membuat keputusan. Sehingga kini, seramai 62 OKU telah mendapat manfaat daripada program yang dikendalikan oleh Pusat Independent Living Beautiful Gate, Petaling Jaya, Selangor.

(v) ***Disability Equality Training (DET).***

DET diperkenalkan oleh JICA mulai 2005 khusus untuk mengubah persepsi orang awam terhadap ketidakupayaan (*disability*) dari sudut Model Sosial. Ia merupakan satu kursus yang direka cipta dan disampaikan atau diterjemahkan sendiri oleh warga OKU yang mempunyai pengalaman menjadi mangsa diskriminasi. Selain itu, seramai 41 OKU telah dilatih dan 7 orang daripadanya dilantik sebagai Jurulatih Utama bagi mengendalikan kursus DET ini. Antara organisasi yang telah mendapat manfaat daripada kursus ini adalah Syarikat Air Asia Berhad, Syarikat Prasarana Berhad dan KTMB.

SOALAN NO. 38/

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARI PAD A YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

(AMPANG)

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan apakah langkah Kementerian bagi meningkatkan kadar guna tenaga mahir dan separa mahir pekerja wanita agar potensi wanita dioptimakan selain membantu meningkatkan pembangunan kapasiti wanita di Malaysia.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited dalam usaha meningkatkan kadar guna tenaga mahir dan separa mahir pekerja wanita di Malaysia. Dalam hal ini, KPWKM akan terus berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan golongan wanita supaya mereka lebih berdaya saing dan serba boleh dalam membangunkan ekonomi negara. Pada tahun 2011, kadar penyertaan tenaga buruh ialah sebanyak 46.1%. Ini menunjukkan lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan potensi wanita dalam pembangunan ekonomi negara ke arah mencapai 55% penyertaan tenaga buruh wanita pada tahun 2015.

Kementerian akan terus menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh terutamanya dalam bidang perniagaan dan keusahawanan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Pendapatan Golongan Berpendapatan Rendah (NKRA-LIH), Kementerian mensasarkan untuk melatih dan melahirkan 4,000 usahawan wanita menjelang 31 Disember 2012. Sehingga 29 Februari 2012, seramai 3,180 orang usahawan wanita yang

terlatih berjaya dilahirkan dengan pendapatan minimum RM3.500 sebulan bagi tempoh 3 bulan berturut-turut.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut melaksanakan program Insentif 1 Malaysia Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) yang bertujuan untuk melahirkan pengusaha dan pengasuh taska yang terlatih. Pada tahun 2011, seramai 9,261 pengusaha dan pengasuh wanita telah dilatih di seluruh negara, dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM3juta.

Selain itu, bagi tempoh 2007 sehingga 2011, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melatih seramai 71,107 orang wanita melalui 1,934 program pembangunan kemahiran dan kapasiti wanita di seluruh negara. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT), Inkubator Kemahiran Wanita (I-KeuNita), *Small Office Home Office* (SOHO), Jejari Bestari, Inspirasi Kreatif, Kursus Asas Pengurus Kediaman (KAPK) dan Inkubator Kemahiran Wanita (I-KeMP).

Bagi memperhebatkan usaha meningkatkan bilangan tenaga mahir dan

separa mahir wanita di Malaysia, Kementerian merancang untuk melaksanakan program *reskilling* dan *upskilling* yang mensasarkan seramai 280 orang wanita yang akan dilatih dengan kemahiran yang dapat memenuhi keperluan semasa. Program ini akan diaksanakan menerusi 15 program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) pada tahun 2012 di seluruh negara sebagai usaha menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI

KAMARUDDIN

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

**YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
menyatakan kegagalan Kementerian berhubung kelahiran usahawan
wanita seperti yang dibangkit di dalam Laporan Ketua Audit Negara
2010.**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menyediakan latihan asas dalam bidang kemahiran kepada wanita berpendapatan rendah menerusi Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (1-KeuNita).

Program I-KIT dikhurasukan kepada ibu tunggal dari semua kaum dengan keutamaan diberikan kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Dalam konteks yang sama, Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-Keunita) juga berperanan untuk memberi latihan kemahiran kepada wanita selain daripada ibu tunggal yang berpendapatan rendah untuk menjana dan meningkatkan pendapatan.

JAWAPAN :

Menerusi program ini, peserta diberi latihan kemahiran secara intensif dalam bidang jahitan, terapi kecantikan, masakan komersil, kraftangan, asuhan kanak-kanak, dan pelancongan.

Seterusnya, peserta diberi pendedahan dalam bidang keusahawanan seperti kaedah membuat kertas permohonan, asas perakaunan, pengurusan risiko perniagaan, penubuhan syarikat / perniagaan dan penggunaan ICT sebagai alternatif untuk mempromosikan produk / perkhidmatan. Di samping itu, mereka turut diberi pendedahan berkenaan agensi-agensi penyedia dana perniagaan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN Nasional, SME Corp. dan Amanah Raya Berhad.

Sebagai makluman, lawatan audit pada tahun 2010 mendapati sebahagian daripada peserta baru selesai menamatkan sesi latihan dan sebahagiannya pula masih mengikuti latihan tersebut. Justeru, program tersebut belum mencapai sasaran yang ditetapkan sewaktu lawatan audit berkenaan iaitu untuk menjana pendapatan melebihi RM1.000 di kalangan peserta program I-KIT dan I-KeuNita.

Berdasarkan kepada cadangan Jabatan Audit Negara, JPW telah

mengambil langkah untuk melaksanakan pemantauan ke atas semua peserta program selepas enam (6) bulan mereka tamat mengikuti latihan.

Hasil pemantauan JPW ke atas 690 orang peserta program I-KIT mendapati seramai 97 orang (14%) berjaya menjana pendapatan melebihi RM 1,000. Baki peserta seramai 532 orang (77%) peserta pula berjaya meningkatkan pendapatan berbanding pendapatan sebelum menyertai program I-KIT.

Bagi program I-Keunita pula, seramai 102 orang (12.9%) peserta telah berjaya mencapai pendapatan melebihi RM1,000 sebulan dan baki peserta seramai 545 orang (69%) berjaya meningkatkan pendapatan ke tahap yang lebih tinggi berbanding pendapatan sebelum menyertai program I- Keunita.

Selain itu, Jabatan menghadapi pelbagai cabaran dalam mencapai sasaran yang ditetapkan bagi kedua-dua program seperti kaedah pemasaran yang tidak strategik serta kualiti produk yang kurang menepati *standard* pasaran.

Sehubungan itu, penambahbaikan modul program telah dilaksanakan seperti modul pemasaran secara atas talian, *re-skilling* untuk meningkatkan kemahiran peserta yang masih belum mencapai sasaran JPW dan *up-skilling* untuk peserta yang telah mencapai sasaran JPW.

SOALAN NO. 388

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN**

(AMPANG)

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (Ampang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan sejauh manakah keberkesanan kerjasama Kementerian dan PDRM dalam menyelesaikan kes buang bayi. Berapakah jumlah mereka yang telah disabitkan kesalahan dan telah menjalani hukuman gantung mandatori.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat KPWKM) memandang serius akan masalah kelahiran anak luar nikah dan pembuangan bayi.

Bagi sebarang kes pembuangan bayi, seseorang bayi yang ditemui hidup akan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk diberikan penjagaan dan perlindungan setelah diberikan rawatan atau menjalani pemeriksaan di hospital.

Mengikut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes pembuangan bayi mengikut negeri dari tahun 2005 hingga 2010 adalah sebanyak 498 kes pada tahun 2005, 83 kes pada tahun 2006, 76 kes pada tahun 2007, 102 kes pada tahun 2008, 79 kes pada tahun 2009, 91 kes pada tahun 2010 dan 97 kes pada tahun 2011.

Berikut adalah data kes yang disabitkan kesalahan dan telah menjalani hukuman dari tahun 2008 hingga 2011 daripada PDRM:

TAHUN	SABIT KESALAHAN	JATUH HUKUM
2008	3	2
2009	6	3
2010	13	5
Nov. 2011	8	7
JUMLAH	30	17

Rekod daripada PDRM menunjukkan mulai tahun 2008 hingga 2011 tiada di kalangan mereka disabitkan kesalahan dan dihukum dengan hukuman gantung mandatori.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
[PASIR PUTEH]**

RUJUKAN **4618**

SOALAN :

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kecurian dalam jajahan Pasir Puteh yang dilaporkan kepada pihak polis sepanjang tahun 2011 dan jumlah

NO. SOALAN : 390/

tangkapan yang dibuat berdasarkan laporan-laporan berkenaan.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kecurian dalam jajahan Pasir Puteh yang dilaporkan kepada pihak polis sepanjang tahun 2011 adalah sebanyak 303 kes. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 96 orang telah berjaya ditangkap dan terlibat dalam kes tersebut.

SOALAN NO: PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik mengenai tahap pendapatan yang diperolehi oleh penduduk negara ini sekarang.

PR-1251-T49087

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan yang diterima oleh isi rumah di setiap negeri mengalami peningkatan yang berterusan daripada tahun 1999 hingga tahun 2009. Wilayah Persekutuan Putrajaya (RM6.747), Selangor (RM5.962) dan Kuala Lumpur (RM5.488) adalah merupakan 3 negeri yang penduduknya menerima pendapatan tertinggi. Manakala negeri yang penduduknya menerima pendapatan paling rendah adalah

negeri Kelantan iaitu purata RM2.536 sebulan. Statistik yang menyeluruh dapat dilihat dalam Jadual 1 dibawah :

JADUAL 1 :PENDAPATAN KASAR BULAN AN ISI RUMAH PURATA MENGIKUT NEGERI, MALAYSIA, 1999-2009

(RM)	c 1999	2002 ;	Warn	2007	2009
JOHOR	2,646	2,963	3,076	3,457	3,835
KEDAH	1,612	1,966	2,126	2,408	2,667
KELANTAN	1,314	1,674	1,829	2,413	2,536
MELAKA	2,260	2,650	2,791	3,421	4,184
NEGERI SEMBILAN	2,335	2,739	2,886	3,336	3,540
PAHANG	1,482	1,991	2,410	2,995	3,279
PULAU PINANG	3,128	3,496	3,531	4,004	4,407
PERAK	1,743	2,153	2,207	2,545	2,809
PERLIS	1,431	2,006	2,046	2,541	2,617
SELANGOR	3,702	4,406	5,175	5,580	5,962
TERENGGANU	1,600	1,837	1,984	2,463	3,017
SABAH/LABUAN	1,905	2,406	2,487	2,866	3,144
SARAWAK	2,276	2,515	2,725	3,349	3,581
KUALA LUMPUR	4,105	4,930	5,011	5,322	5,488
PUTRAJAYA	-	-	-	5,294	6,747

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- 1) Penyiasatan Selepas Band Pendudukdan Perumahan, 1970 (rujukan 1970)
- 2) Band Pertanian 1977, Malaysia (rujukan 1976)
- 3) Penyiasatan-penyiasatan Pendapatan Isi Rumah
- 4) Kompilasi statistik

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN BERTULIS
Daripada	Muhammad bin Husain [Pasir Puteh]
Soalan	NoJSQS' /

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan pengeluaran bulanan kilang kenaf di Tok Bali sejak mula beroperasi hingga sekarang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012

CADANGAN JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Kilang kenaf di Tok Bali yang didirikan oleh Lembaga Kenaf Dan Tembakau Negara (LKTN) telah mula beroperasi pada 23 Ogos 2010. Pengeluaran fiber dan core oleh kilang tersebut tersebut dari bulan September 2010 sehingga bulan Mac 2012 adalah seperti berikut:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

Bulan	Pengeluaran (Tan)	
	Fiber	Core
2010		
September	2.6	6.26
Oktober	5.5	13.20
November	8.5	20.40
Disember	6.5	15.60
Januari	8.6	20.64
Februari	9.4	22.56
Mac*	0	0
April*	0	0
May*	0	0
Jun*	0	0
Julai*	0	0

-
- 1 Pengeluaran tertumpu kepada pemprosesan core kenaf bagi penghasilan debu kenaf.

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012

Ogos	2.3	2.58
September	3.7	9.12
Oktober	0.8	5.36
November	0	0
Disember	15.9	5.78
Januari	0	104.00
Februari	0	86.44
Mac	0	90.96
Jumlah	63.8	472.91

SOALAN NO : 392^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
 [PASIR PUTEH]

SOALAN

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan “lebih baik daripada keadaan sekarang” (Better than current System) apabila “1Care for 1 Malaysia” dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua

1Care adalah cadangan penstrukturran semula sistem kesihatan negara yang masih dalam peringkat cadangan awal. Tujuannya adalah untuk mengukuhkan sistem kesihatan Malaysia, supaya semua rakyat boleh mendapatkan rawatan kesihatan berkualiti. Cadangan ini masih lagi di peringkat konsep dan Kerajaan belum mengambil sebarang keputusan mengenai perkara-perkara ini. Pelbagai aspek persediaan mengenai 1Care sedang diperincikan dengan mengambil kira cadangan dan input dari pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders* - dengan izin). Dari tahun 2009 sehingga 2011, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan sebanyak 56 perbincangan, bengkel, seminar,

persidangan dan forum bersama organisasi bukan Kerajaan (NGO), pihak akademik serta wakil komuniti bagi tujuan tersebut. KKM sentiasa mengalukan sumbangan idea dan maklumbalas mengenai bagaimana sistem kesihatan negara boleh diperkuuhkan lagi.

Dalam usaha mempertingkatkan sistem kesihatan negara melalui penstrukturian semula ini, Kerajaan bertujuan memastikan:

- 1) rakyat boleh mendapatkan penjagaan kesihatan yang berkualiti tanpa mengira tahap usia dan tahap kesihatan;
- 2) rakyat boleh membuat pilihan untuk mendapatkan rawatan di klinik dan hospital swasta atau awam tanpa mengira tahap kemampuan mereka;
- 3) rakyat boleh mendapatkan penjagaan kesihatan berhampiran dengan tempat tinggal atau tempat kerja mereka;
- 4) rakyat boleh memilih doktor keluarga masing-masing dan boleh menukarnya sekira perlu. Doktor keluarga ini akan lebih mengenali dan memahami masalah kesihatan setiap individu dan keluarga mereka serta membantu mereka terus mendapatkan penjagaan kesihatan sepanjang hayat;
- 5) rakyat tidak perlu bimbang mengenai bayaran semasa mereka mendapatkan rawatan yang mereka layak;
- 6) Kerajaan akan terus membiayai penjagaan kesihatan untuk rakyat miskin;
- 7) sumbangan untuk keperluan penjagaan kesihatan tidak akan membebankan rakyat; dan
- 8) rakyat tidak akan mengalami masalah kewangan atau jatuh miskin

kerana membiayai rawatan kesihatan.

Dalam usaha meningkatkan perkhidmatan dan kualiti penjagaan kesihatan untuk mengutamakan keperluan rakyat, negara menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang perlu ditangani. Di antara isu-isu ini termasuklah kewujudan dua sektor penjagaan kesihatan yang berbeza iaitu sektor awam dan swasta memberi impak ke atas kualiti penjagaan kesihatan. Perbezaan yang ketara adalah dari segi infrastruktur seperti fasiliti dan peralatan kesihatan, amalan klinikal dan kompetensi anggota profesional dan juga sokongan. Perbezaan ini memberi kesan kepada persepsi kualiti perkhidmatan dan keselamatan pesakit.

Pada masa ini, terdapat perbezaan dan ketidakseimbangan sumber manusia dan bebanan kerja di antara sektor awam dan swasta. Walaupun terdapat rangkaian fasiliti kesihatan yang meluas di Malaysia, namun taburannya masih tidak seimbang. Kemudahan fasiliti swasta lebih tertumpu di kawasan bandar dan perkhidmatan pakar juga lebih banyak terdapat di bandar-bandar utama. Oleh itu, masyarakat luar bandar tidak menerima tahap perkhidmatan yang setara dengan masyarakat yang tinggal di bandar. Ini menyumbang kepada ketidaksamaan pencapaian tahap kesihatan di antara penduduk bandar dan luar bandar. Walaupun sejak merdeka, negara telah mencapai banyak kejayaan dalam meningkatkan tahap kesihatan rakyat, namun kini indikator-indikator kesihatan tidak banyak berubah dan tidak menunjukkan peningkatan tahap kesihatan ketara untuk beberapa tahun kebelakangan ini, berbanding negara-negara lain.

Di sektor swasta, pesakit bebas mendapatkan rawatan dari mana-mana

peringkat penjagaan kesihatan tanpa dirujuk. Amalan *doctor-hopping* (dengan izin) di kalangan pesakit adalah membimbangkan dan perlu diberi perhatian kerana ia tidak menggalakkan amalan penjagaan kesihatan yang berhemah dan baik. Ini menjadi lebih genting lagi dengan peningkatan bilangan penduduk warga emas dan juga perubahan corak dan beban penyakit di Malaysia. Pada masa ini, penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan kanser semakin meningkat. Kedua-dua situasi ini memerlukan rawatan jangka panjang bersama doktor yang benar-benar memahami keperluan kesihatan pesakit secara berterusan.

Memandangkan bilangan pesakit yang menggunakan hospital awam semakin bertambah, tidak hairanlah kesesakan adalah satu isu yang merumitkan usaha Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih selesa kepada pesakit dan pelawat. Dalam situasi ini timbul ketidakpuasan dari pelanggan dan anggota fasiliti tersebut. Aduan yang kerap diterima oleh KKM adalah waktu menunggu yang panjang bagi mendapatkan rawatan di setiap peringkat penjagaan kesihatan.

Keadaan tempat kerja yang kurang memuaskan, beban kerja yang tinggi dan ganjaran yang tidak setimpal menyumbang kepada penghijrahan pakar, doktor dan anggota kesihatan terlatih dari sektor awam ke sektor swasta dan ke luar negara. Pada masa yang sama, walaupun perkhidmatan penjagaan kesihatan yang diberikan tidak mencapai tahap kualiti yang sepatutnya, caj rawatan tinggi masih akan dikenakan di sektor swasta.

Walaupun rakyat telah banyak mendapat manfaat daripada sistem

kesihatan yang dibiayai oleh Kerajaan, namun proses mensasarkan

sumber kewangan awam adalah kurang cekap. Golongan yang berkemampuan turut mendapat faedah dari perkhidmatan kesihatan awam yang kosnya dibiayai oleh Kerajaan. Jadual Fi yang dikenakan amat rendah kerana subsidi yang diberi oleh Kerajaan walaupun bagi mereka yang berkemampuan. Ini menyumbang kepada ketirisan subsidi Kerajaan.

Sistem pembiayaan kesihatan sedia ada mungkin tidak mampu bertahan dengan peningkatan pesat dalam perbelanjaan penjagaan kesihatan dan kadar perbelanjaan wang saku (*out-of-pocket* - dengan izin) yang tinggi. Kekerapan liputan media meminta bantuan kewangan bagi membiayai kos rawatan menunjukkan kelemahan sistem pembiayaan kesihatan sekarang.

Dengan kesedaran mengenai isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kesihatan Negara, pihak KKM telah banyak meneliti pelbagai pilihan bagi memastikan sistem kesihatan negara kekal relevan, lebih berkualiti dan memenuhi keperluan penduduk. Kini KKM sedang menyediakan cadangan awal pelan penstruktur semula sistem kesihatan dengan mengambil kira isu yang dinyatakan diatas. Dalam hal ini KKM mengalukan sumbangan idea dan maklumbalas mengenai bagaimana sistem kesihatan Negara boleh diperkuuhkan lagi.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
[PASIR PUTEH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar sekolah menengah yang tidak tahu membaca dan menulis di seluruh negara dan sejauh mana kejayaan langkah-langkah pemulihan terhadap mereka.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kadar murid yang berada di pendidikan menengah dan tidak menguasai kemahiran asas membaca dan menulis adalah terlalu kecil. Ini kerana Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memang mengambil perhatian serius dalam usaha membasmi masalah tidak menguasai kemahiran tersebut sejak di peringkat prasekolah dan sekolah rendah lagi. Pelbagai program telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah tersebut seperti di peringkat sekolah rendah melalui program KIA2M sebelum tahun 2010, dan memperkenalkan Program LINUS (*Literacy and Numeracy Screening Programme*) bermula murid Tahun 1 pada 2010. Melalui program LINUS, penilaian dibuat berdasarkan instrumen saringan yang digubal oleh Lembaga Peperiksaan. Murid-murid ini disaring berdasarkan kemahiran membaca, menulis dan mengira. Saringan dijalankan dengan menyatakan murid secara lisan dan bertulis. Dalam setahun terdapat 3 saringan iaitu pada bulan Mac, Jun dan September. Murid yang menguasai Literasi akan belajar di aliran perdana dan murid yang tidak menguasai akan dibimbing dalam Program LINUS sehingga mampu menguasai hingga konstruk 12. Keseluruhan murid Tahun 3 (kohort 1) akan diuji dalam Saringan Khas antara 1 hingga 6 April 2012 bagi memastikan mereka menguasai Literasi dan Numerasi sebelum melangkah ke Tahun 4 pada tahun 2013. Berdasarkan kepada data akhir

tahun 2011, pencapaian Literasi ialah 97.52 manakala Numerasi ialah 98.2.

Untuk makluman, bagi murid-murid Tahun 4,5,6 pada masa ini yang tidak mengikuti program LINUS, murid-murid tersebut terus mengikuti program KIA2M bagi memastikan pelajar-pelajar menguasai kemahiran membaca dan menulis, KPM juga melaksanakan Program Pemulihan 3M Pasca - UPSR (PROTIM) bagi murid Tahun 6 yang masih tidak boleh membaca, menulis dan mengira. Program ini akan diadakan selepas Peperiksaan UPSR selama 2 bulan bagi memastikan murid Tahun 6 menguasai kemahiran 3M apabila mereka melangkah ke Tingkatan 1. Sekiranya masih terdapat pelajar yang tidak menguasai kemahiran tersebut di peringkat sekolah menengah, mereka akan diletakkan ke dalam Program Bimbingan Sekolah Menengah 2M atau PROBIM. Modul PROBIM diturunkan kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri untuk dijalankan di semua sekolah menengah secara *state based*.

Dengan langkah-langkah berikut, KPM berkeyakinan murid-murid berupaya menguasai sekurang-kurangnya asas kemahiran berkenaan di peringkat menengah. Sekiranya masih terdapat murid yang gagal menguasai kemahiran tersebut, KPM berpandangan kemungkinan besar murid tersebut merupakan murid berkeperluan khas atau kurang upaya seperti bermasalah penglihatan, bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran di peringkat rendah dan menengah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI
SOALAN : NO.-39&

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan mengapa yuran pengajian yang dikenakan oleh Universiti Malaya terlalu tinggi berbanding IPTA lain dan apakah Kerajaan bercadang untuk melakukan penyelarasan terhadap yuran pengajian yang dikenakan oleh semua IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan menanggung di antara 85 hingga 95 peratus yuran pengajian Ijazah Sarjana Muda di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat yang melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi.

Mengikut amalan semasa, kadar yuran di IPTA ditetapkan berdasarkan faktor-faktor ekuiti sosial untuk meluaskan akses kepada masyarakat dan bukan berdasarkan prinsip *cost recovery*. Tidak ada satu kaedah yang seragam dalam menetapkan yuran pengajian institusi-institusi pengajian

!

tinggi. Penetapan yuran pengajian dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk kos langsung dan tidak langsung, Nilai Sepadan Pelajar Sepenuh Masa (*Equivalent Full Time Student*), nisbah tenaga pengajar/pelajar, mod kerja kursus atau penyelidikan, daya saing dan sebagainya. Malah terdapat IPTA yang menetapkan yuran pengajian berdasarkan semester/pakej dan ada juga berdasarkan jam/kredit unit yang diambil.

Punca kuasa bagi menetapkan yuran IPTA adalah berdasarkan Seksyen 8, Perkara 4(q), Perlembagaan Universiti, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) iaitu “*universiti mempunyai kuasa untuk menuntut dan menerima apa-apa fi yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah dari semasa ke semasa*” manakala dalam Seksyen 12(g) Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 pula menetapkan bahawa “*fungsi Majlis adalah untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai struktur fi*”.

Selaras dengan pelaksanaan autonomi, Kementerian tidak bercadang untuk menyelaraskan yuran-yuran bagi semua IPTA.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

[SILAM]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mendirikan sebuah sekolah vokasional di Parlimen Silam.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan termasuklah di kawasan Parlimen Silam. Dalam membuat perancangan membina sekolah-sekolah baru, KPM memberi keutamaan kepada tiga (3) aspek utama iaitu; Memastikan tapak lokasi sekolah adalah bersesuaian; Memastikan kemudahan tapak binaan mempunyai kemudahan asas seperti jalan masuk, bekalan air dan elektrik; dan membuat perancangan yang teliti bagi memastikan pembinaan sekolah-sekolah mengimbangi keperluan penduduk setempat sebagai langkah mengelak daripada menghadapi sekolah kurang murid. Berhubung dengan perancangan untuk membina Sekolah Menengah Vokasional di Parlimen Silam, KPM bersedia meneliti dan mengkaji kesesuaian mewujudkan sekolah di kawasan berkenaan sekiranya terdapat keperluan setempat dan

permohonan yang tinggi.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI SALLEH BIN KALBI
(SILAM)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperluas inisiatif negara sebagai hub halai dunia dengan menjadi peneraju kepada Negara-negara Kerjasama Teluk (GCC)untuk menubuhkan sebuah Bank Islam Antarabangsa di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, institusi-institusi dari Negara-

negara Kerjasama Teluk (GCC) telah mengambil bahagian dalam sistem kewangan Islam Malaysia sejak tahun 2005 melalui penubuhan 3 bank Islam asing dan 3 bank Islam antarabangsa dengan jumlah modal terkini sebanyak RM3.6 bilion. Anggaran jumlah deposit dari Timur Tengah yang terdapat dalam sistem kewangan Malaysia pada masa kini berjumlah hampir RM650 juta. Ini adalah hasil daripada komitmen serius Kerajaan untuk merintis dan menyelaras pelbagai inisiatif berikutan langkah meliberalisasikan sektor kewangan Islam secara berperingkat untuk menggalakkan penyertaan entiti asing dalam sektor perbankan Islam, takaful dan pasaran modal Islam

2. Kesinambungan ini diteruskan lagi oleh Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 yang telah menggariskan langkah-langkah strategik yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengoptimumkan potensi negara sebagai hab kewangan Islam antarabangsa. Sistem kewangan Islam juga memainkan peranan penting sebagai perantaraan untuk pembiayaan patuh Syariah di dalam urusniaga industri halal dalam melengkapkan ekosistem industri halal seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hab halal antarabangsa. Integrasi di antara sektor kewangan Islam dan industri halal akan menyemarakkan lagi perkembangan kedua-dua sektor di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI SALLEH BIN KALBI
(SILAM)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan sejauh manakah pengauditan dilakukan oleh Bank Negara Malaysia ke atas institusi kewangan termasuk syarikat berkaitan Kerajaan

NO SOALAN *t*

(GLC) untuk mematuhi pekeliling perkhidmatan "Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam" dalam transaksi yang dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada pengauditan khusus yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia ke atas institusi kewangan untuk mematuhi pekeliling perkhidmatan "Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam" dalam transaksi yang dilakukan. Walau bagaimanapun, Sekretariat Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Perkhidmatan Kewangan yang dibentuk pada tahun 2011, dengan kerjasama dari Bank Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Bank-bank Malaysia serta Institut Insurans Malaysia telah banyak menjalankan pelbagai program dan aktiviti untuk meningkatkan lagi penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam sektor perkhidmatan kewangan.

2. Salah satu program yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka adalah program Hadiah Bahasa

Kebangsaan institusi kewangan. Program ini telah diadakan semenjak tahun 2004, bertujuan mengiktiraf dan menghargai institusi kewangan yang telah menggunakan Bahasa Kebangsaan yang baik dan betul, khususnya dalam urusan harian mereka dengan pelanggan tempatan. Skop penilaian adalah berdasarkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam dokumen urusan dengan pelanggan tempatan, paparan di premis serta sumbangan institusi kepada kegiatan kebahasaan. Program tahunan ini diharap dapat menwujudkan semangat ingin bersaing dalam menyemarakkan lagi penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam industri kewangan dan perbankan secara berterusan.

3. Selaras dengan resolusi bagi sektor perkhidmatan kewangan semasa Bengkel Penilaian Perlaksanaan Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta 1996-2000 pada 24 Mei 2000, Bank Negara Malaysia telah mengarahkan semua penanggung insurans menyediakan semua borang/risalah dan sijil/polisi insurans dalam dwibahasa, iaitu Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris. Borang/dokumen insurans hendaklah mempunyai kedua-dua versi Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris dalam satu borang/dokumen dan bukan dicetak berasingan. Pengeluaran borang/risalah dan sijil/polisi insurans dalam dwibahasa telah berkuatkuasa mulai;

- 2 Januari 2002 untuk insurans am,
- 1 Julai 2002 untuk insurans kebakaran; dan
- 1 Januari 2004 untuk insurans motor.

4. Penanggung-penanggung insurans yang masih belum mematuhi sepenuhnya arahan penggunaan dwibahasa dalam dokumen insurans dikehendaki mengemukakan kepada Bank Negara Malaysia laporan status penggunaan dwibahasa dalam dokumen insurans mereka pada setiap suku tahunan sehingga Bank Negara Malaysia berpuas hati bahawa arahan tersebut telah dipatuhi sepenuhnya.

5. Berkuatkuasa 1 Januari 2010, Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan pekeliling "Garis Panduan Mengenai Ketelusan dan Pemberitahuan Produk" (*Guidelines on Product Transparency and*

Disclosure) kepada institusi perkhidmatan kewangan mengenai keperluan mengutamakan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam menyebarkan maklumat kepada pelanggan mereka. Institusi perkhidmatan kewangan perlu memastikan semua borang dan risalah perbankan boleh diperokeh dalam Bahasa Kebangsaan selain dalam Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain. Sesungguhnya, usaha memartabatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan tidak terletak kepada resolusi, surat pekeliling, atau aktiviti program yang dilaksanakan, namun apa yang lebih penting ialah semangat dan iltizam warga institusi kewangan untuk bekerjasama memantapkan penggunaan Bahasa Kebangsaan serta memartabatkan Bahasa Kebangsaan di tahap yang sewajarnya.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN :
DARIPADA BUKAN LISAN
: YB TUAN SALLEH BIN KALBI
(SILAM)**

TARIKH

SOALAN 398 ,

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan mengapakah peluang untuk meneruskan pelajaran ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) juga dibuka kepada pelajar-pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan tinggi, sedangkan hasrat asal penubuhan MRSM adalah untuk membantu pelajar-pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah terutamanya dari luar bandar.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mengucapkan terima kasih dan menghargai akan keprihatinan Yang Berhormat terhadap sistem pendidikan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan pembangunan pelajar-pelajar MRSM.

MRSM merupakan institusi pendidikan peringkat menengah yang menjadi tapak semaian untuk melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang akademik, kompetitif, inovatif, kreatif dan mampu bersaing di peringkat global.

MARA sentiasa berusaha untuk memperkasakan sistem pendidikan MRSM dengan menambah baik program-program di MRSM bagi memenuhi keperluan negara dan global dengan mementingkan keperluan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa. Sehingga kini seramai 31,800 orang pelajar sedang mengikuti pengajian menengah di 46 buah MRSM di seluruh negara.

Adalah ditekankan bahawa sistem pemilihan pelajar

untuk mengikuti pengajian di MRSM sentiasa memberi keutamaan kepada pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah terutamanya dari luar bandar. Sepanjang sejarah pengambilan pelajar di MRSM; iaitu dari tahun 1972 hingga 2012, jumlah pelajar-pelajar dari golongan ini adalah amat tinggi iaitu di antara 70% hingga 75% setiap tahun. Ini bermakna hanya segelintir sahaja pelajar-pelajar MRSM yang datang dari keluarga berpendapatan tinggi.

Kehadiran pelajar-pelajar berkenaan tidak menjaskan peluang pelajar dari keluarga berpendapatan rendah malah memberi lebih ruang dan peluang kepada semua pelajar supaya menjadi kompetitif, berdaya saing serta mapan untuk berinteraksi dan melengkapkan diri untuk bersaing di peringkat global.

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA juga sedang menambah bilangan MRSM sedia ada di mana sebanyak 3 buah MRSM lagi dalam proses pembinaan yang akan memberi banyak peluang kepada pelajar memasuki

MRSM terutamanya dari golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

[HULU LANGAT]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah semua guru-guru lepasan Institusi Perguruan ditempatkan di Sekolah dan apakah sumbangan Guru-Guru sukarela dalam meningkatkan prestasi pembelajaran Bahasa Inggeris.


JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Guru-guru keluaran Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang lulus temuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sahaja yang akan ditempatkan di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Antara sumbangan guru sukarela atau *English Teaching Assistants (ETA)* dalam meningkatkan prestasi pembelajaran bahasa Inggeris adalah dengan mewujudkan persekitaran yang kondusif di sekolah untuk murid berinteraksi dan mempelajari bahasa Inggeris. Ini termasuklah mengadakan aktiviti yang menggalakkan murid berkomunikasi, bertukar pendapat dan dalam masa yang sama meningkatkan keyakinan mereka dalam menggunakan bahasa tersebut. Peranan guru sukarela ini tidak terhad kepada murid sahaja malah di kebanyakan sekolah, mereka merupakan pemangkin yang menggalakkan pentadbir dan para guru menggunakan bahasa Inggeris dengan lebih kerap dan meluas.

cv
Q



i
>